

Volume III
No. 28



Monday
15th January, 1962

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 2861]

BILL—

The Supply Bill, 1962—

Committee of Supply (Fourth Allotted Day) [Col. 2862]

Head 12 [Col. 2863]

Head 13 [Col. 2898]

DI-TERBITKAN OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N.,
PEMANGKU PENCETAK KERAJAAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
1962

Harga: S1

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the First Dewan Ra'ayat

Monday, 15th January, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.

- „ the Prime Minister and Minister of External Affairs,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister
of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN
DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior,
DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,
P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka
Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications,
DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE'
ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE
LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED
KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN
(Kuala Pilah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID
KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P.
(Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI
ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKA-
VASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED
ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

The Honourable ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).

- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN To' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).

The Honourable ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).

- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K.
(Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu
Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor
Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN
IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).

The Honourable PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).

„ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Minister without Portfolio) (Muar Selatan) (*On leave*).

„ the Minister of Transport, DATO' SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

„ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).

„ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).

„ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).

„ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).

„ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).

„ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

Employment of Expatriate Officers Retired Under Malayanisation

1. Enche' V. David (Bungsar) asks the Prime Minister to state why expatriate officers, who have received compensation under the Malayanisation Scheme, are still being employed by the Government, and the number of such officers.

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, there is no such officer, who has retired under the compensation scheme, who has been re-employed and, therefore, the second part of the question does not arise.

Appointment of Controller of Immigration

2. Enche' V. David asks the Prime Minister to state why the post of Controller of Immigration is still being occupied by an officer who has retired under the Malayanisation Scheme.

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, the officer concerned has not retired under the Malayanisation Scheme. It has been found necessary to extend his service until such time at least as we have got our own officer who can do the work.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1962

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Fourth Allotted Day).

House accordingly resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$15,426,674 for Head 12 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya pada hari Sabtu kelmarin, saya suka menarek perhatian Majlis ini ia-itu baharu² ini saya telah berpeluang melawat Kolej Tanaman Serdang atau lebeh mudahnya saya sebutkan "Kebun Pak Awang" dengan chara tidak rasmi, dan Pengetua di-situ membawa saya melawat tanaman² saperti kebun² kopi, coco, durian dan lain² lagi. Saya chukup tertarek hati dengan perchubaan tanaman² itu yang mana chukup maju dan jaya. Dan alang-kah berfa'edah sa-kira-nya penuntut daripada kolej tersebut dapat mengamalkan pula segala perchubaan yang baik dan jaya itu ka-kampung² di-mana di-dapati tanah yang chukup sa-suai dengan tanaman² ini untuk mengeluarkan berbagai hasil dalam negeri kita ini. Di-kawasan perchubaan yang tersebut ada di-tunjokkan tanaman kopi dan tumbohan² yang lain dengan elok-nya, dan teringat-lah saya beberapa tempat lagi dalam negeri kita ini yang sa-suai dengan tanaman coco. Kalau coco ini di-tanam dengan elok di-merata² negeri ini akan mendatangkan hasil kapada negeri ini dengan banyak.

Sa-perkara lagi yang chukup menarek hati yang hendak saya sebutkan di-sini ia-lah tanaman pokok durian yang di-chuba di-sana nampak-nya chukup subor dan segar, dan hanya beberapa tahun sahaja pokok ini dapat mengeluarkan hasil yang elok.

Berhubong dengan pokok durian ini sukachita saya menyebutkan bahawa sa-panjang perjalanan dari Kedah sampai ka-Johor kebanyakan pokok durian ini di-tanam oleh orang dalam kampung yang di-jaga dengan chukup rapi, tetapi sayang-nya kebanyakan

pokok² itu sudah tua. Kalau sa-kira-nya ada peruntokan bagi memajukan tanaman ini, alang-kah baik-nya dan akan mendatangkan hasil yang memuaskan. Tetapi di-negeri Perlis, Tuan Yang di-Pertua, pokok durian ini kawasan-nya bukan dalam kampung, sa-bagaimana yang saya katakan tadi di-tanam orang dekat bukit-bukau dan juga di-kawasan² yang berperenggan dengan Siam. Pokok durian ini sudah tua. Tuan-nya hanya menjaga dan menengok sa-mata² sa-tahun sa-kali, bahkan kalau sa-kira-nya pokok durian itu tidak berbuah pada tahun itu maka pokok itu tidak di-lihat langsung atau tidak di-tebas kawasan-nya, sa-olah² tuan-nya hanya berkehendakkan kapada buah-nya sahaja, pokok-nya tidak di-jaga supaya keada'an-nya elok dan buah-nya dapat memuaskan hati.

Jadi dengan chara bagini tentu-lah sa-kali tidak dapat mendatangkan hasil yang banyak lebeh² lagi pokok²-nya itu sudah tua dan tidak banyak mengeluarkan hasil. Saya agak kalau sa-kira-nya pehak Kementerian ini dapat menggalakkan pekebun² itu bertanam sa-mula tentu sa-kali pehak tuan punya kebun itu menyambut dengan segala puas hati. Dan saya rasa ada baik-nya pehak Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengutamakan membena jalan² raya serta pergi ka-sana dan menggalakkan mereka itu berpindah ka-tempat yang lapang untuk bertanam pokok² buah²an. Di-samping itu juga sa-kira-nya tanah² yang tinggi di-dapati berbukit tadi chukup sa-suai di-sulamkan pula dengan lada. Tanaman lada itu akan juga mendatangkan hasil yang banyak bagi negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perkara yang kedua, dukachita saya menyebutkan sedikit berkenaan dengan tanaman padi. Kalau saya tidak silap wakil dari Krian Laut beberapa hari yang telah lalu telah berchakap berkenaan dengan hal-ehwal ulat yang memakan padi yang menyebabkan hasil-nya tidak begitu memuaskan. Begitu juga saya suka menarek perhatian, di-Perlis

saya baharu pulang sahaja dari Perlis saya dapati dari kenyataan² yang benar dari Pejabat Tanaman, lebih daripada 5,000 ekar tanah sawah padi yang telah di-serang ulat. Dan kebanyakan-nya tidak dapat mengeluarkan hasil. Sa-perkara lagi yang mengancham sawah di-sana pada tahun ini ia-lah musim kemarau dan juga ayer bah yang besar. Pada permulaan-nya orang² bendang di-sana di-serang oleh ulat dan pada peringkat yang kedua-nya pula di-serang oleh kemarau dan yang akhir-nya pula di-serang oleh ayer bah yang besar, jadi padi² itu tidak dapat di-makan langsung. Jadi, ketiga² benchana itu menyebabkan beribu² relong sawah padi di-Perlis sana tidak dapat mengeluarkan hasil. Apa yang saya suka sebutkan di-sini dan saya hendak meminta perhatian kepada pehak Kementerian ini ia-lah berkenaan dengan ulat yang saya sebutkan tadi itu. Kerajaan negeri Perlis sudah berikhtiar berbagai² chara untuk mengatasi kesulitan ini dan untuk membunuh ulat² itu hanya satu jalan sahaja. Saya merayu-lah kepada Kementerian ini supaya dapat mengikhtiar kan chara yang lebih sempurna untuk menghapuskan ulat² itu supaya keada'an padi tahun hadapan dapat mengeluarkan hasil yang banyak sa-bagaimana tahun² yang lalu.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan padi yang di-binasakan oleh ayer bah. Sa-panjang yang saya tahu ayer bah itu berlaku di-kawasan Perlis Utara kerana sungai-nya panjang dan beng-kang-bengkok. Alang-kah baik-nya kalau sa-kira-nya Kementerian ini dapat menyiasat dengan teliti dan mengeluarkan peruntukan untuk mem-betulkan sungai² itu supaya dapat ayer² itu menuju ka-hulu dan ka-hilir.

Berkenaan dengan tanaman padi dua kali sa-tahun sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh saudara saya tadi, memang-lah sa-tengah² tempat berasa dukachita dengan tanaman padi dua kali sa-tahun yang mana mendapat perubahan dalam kehidupan mereka tetapi ada juga tempat² yang boleh di-tanam padi dua kali sa-tahun timbul pula halangan yang besar kerana

musim kemarau dan banyak di-antara sawah² padi di-lepaskan kerbau ber-keliaran. Kalau sa-kira-nya bertanam padi dua kali sa-tahun tentu-lah binatang² yang di-lepaskan itu akan merosakkan tanaman tadi. Patut-lah di-adakan satu peratoran untok di-beritahu kepada orang ramai supaya binatang² itu jangan-lah di-lepaskan dengan berkeliaran sahaja.

Beberapa hari yang lalu saudara saya dari Perlis Selatan telah berchakap berkenaan dengan persatuan tanah. Saya juga berasa hal ini sa-mata² arahan Kementerian yang berkenaan ini atau sa-balek-nya tetapi persatuan² yang mana satu. Saya suka berchakap sedikit berhubung dengan semangat tiap² persatuan kebajikan yang ada dalam negeri Perlis ini.

Mr. Speaker: Ini di-bawah mana yang tuan hendak berchakap.

Enche' Othman bin Abdullah: Di-bawah Kementerian Tanaman.

Mr. Speaker: Di-bawah Kementeri-an-nya, pada am-nya kita sudah bahathkan sa-lama 3 hari dahulu.

Enche' Othman bin Abdullah: Sadikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Mr. Speaker: Ada lagi?

Enche' Othman bin Abdullah: Ada.

Mr. Speaker: Jangan-lah berchakap berkenaan dengan Farmers Association itu kerana ia tidak kena-mengena dengan Kementerian ini.

Enche' Othman bin Abdullah: Saya suka hendak berchakap di-dalam bahagian kehutanan di-Perlis. Di-Perlis sana ada beberapa kawasan hutan simpan dan telah di-chuba dengan menanam kayu jati. Tanaman itu di-dapati sangat memuaskan, dan bagi pehak Kerajaan negeri Perlis hanya dapat mengeluarkan belanjawan bagi menjaga kayu jati itu tidak lebih daripada \$10,000 sahaja pada satu tahun. Saya rasa perkara ini sangat-lah baik dan di-minta-lah kepada Ke-menterian ini memberi perbelanjaan yang lebih sedikit dan juga memberi perhatian yang penoh tentang tanaman pokok kayu jati ini.

Satu perkara lagi saya suka sebutkan di-sini berkenaan dengan memternak lembu kerbau di-Perlis. Sunggoh pun ada kawasan² memternak lembu kerbau di-tempat yang di-khaskan oleh Kerajaan, tetapi di-dapati tempat itu sentiasa di-hapusi oleh ayer, jadi tidak boleh langsung nampak-nya untuk membela lembu kerbau di-kawasan itu hanya untuk di-jadikan sawah padi sahaja yang boleh. Satu perkara untuk mengatasi orang ramai di-Perlis sana daripada membuang masa itu membawa lembu kerbau mereka ka-padang ia-lah dengan chara menanamkan rumput silo. Saya rasa baik sangat-lah kalau sa-kira-nya Kementerian ini menggalakkan tiap² orang supaya menanam rumput silo di-kampung² untuk mengatasi sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi.

Pada akhir-nya saya menguchapkan terima kaseh sa-kali lagi kepada Menteri Yang Berhormat kerana meng-untokkan perbelanjaan bagi Kementerian ini dan juga saya harap Kementerian ini dapat menjalankan usaha-nya menolong orang ramai dalam bahagian pertanian. Saya rasa ini-lah satu Kementerian yang chukup hampir sa-kali dengan petani² yang ada dalam kampung² kita.

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap di-muka 54, berkenaan dengan Research Branch. Pada masa meshuarat tahun yang lalu saya telah ada mengambil bahagian memberi perhatian kepada Kementerian ini berkenaan dengan baja di-Cameron Highlands, maka saya menguchapkan terima kaseh, oleh sebab sa-lepas saya membuat ucapan itu penyiasatan telah di-jalankan dan nasihat² telah di-beri kepada pentanam² sayor di-situ supaya jangan menggunakan baja udang di-Cameron Highlands.

Di-bawah muka 55, Item 38, Disease Control, Sub-head 1, dalam daerah saya ada satu jenis penyakit yang mengenai kerbau², atau pun di-panggil penyakit hati kerbau. Saya telah bertanya daripada tempat² lain berkenaan dengan penyakit hati kerbau itu, tapi chuma

di-tempat saya sahaja yang mendapat penyakit ini. Rasa saya penyakit hati kerbau itu bukan-lah di-bawa oleh mambang atau hantu. (*Ketawa*). Barang kali sudah nasib itu menimpa di-tempat saya sahaja agak-nya, dan pula saya lihat penyakit itu menyerang di-sebelah hilir sungai dan di-sebelah hulu sungai tidak kena penyakit tersebut. Yang dahshat-nya kalau kita sembeleh kerbau dan di-ambil hati-nya, kita rebus dalam kawah besar berjam² lama-nya hingga sampai hati itu boleh di-chubit atau boleh di-makan, bila di-belah hati itu kita boleh lihat banyak ulat dalam hati itu. Sa-orang sahabat saya membeli sa-ekor kerbau, kerbau itu chukup chantek dan berminyak² badan-nya dan tidak beberapa bulan kerbau itu pun mati. (*Ketawa*). Perkara ini sunggoh pun Pejabat Haiwan sudah menyiasat-nya maka dukachitalah belum mendapat apa² hasil lagi. Mengikut pengalaman orang tua² bahawa penyakit itu berasal dari hulu sungai. Oleh sebab itu saya merayu-lah kepada Kementerian Pertanian ini khas-nya kepada kaki-tangan dalam Pejabat Haiwan sila-lah datang menyelidek di-tempat saya, mudah²an dapat kebajikan ra'ayat di-sana.

Dalam muka 60, pada tahun yang sudah telah ada peruntokan wang untuk lighting at Federal Experiment Station, Cameron Highlands, dan saya suka-lah hendak dapat tahu daripada Menteri Yang Berhormat kenapa-kah pada tahun ini tidak ada.

Enche' Hassan bin Mansor (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kementerian ini di-atas kejayaan-nya dapat menambahkan wang sa-banyak \$500,000 lebeh. Sekarang saya suka hendak berchakap dalam Co-operative Development, kerana mendengar ucapan² yang telah di-beri oleh Ahli² Parlimen ini bahawa saya memandangkan Kementerian ini ada-lah satu Kementerian yang terpenting sa-kali di-dalam usaha² untuk memajukan ra'ayat dalam negeri kita. Jadi, saya tidak-lah hendak berchakap dalam perkara² yang lain chuma saya mengulangkan balek apa

yang saya chakapkan dalam Parlimen ini apa yang telah berlaku dalam kawasan saya dalam soal pajak musim. Rasa saya dua tahun yang lalu saya telah menyuarakan dalam Parlimen ini supaya Kementerian tersebut menyiasat dan kalau boleh untuk memberi bantuan atau pun menyiasat sa-chara mana orang² di-kawasan saya itu dapat melepaskan diri mereka daripada anchaman pajak musim. Kalau-lah Menteri Yang Berhormat dapat berikhtiar untuk menyelamatkan orang² yang telah di-hinggap oleh penyakit padi kuncha dan saya rasa juga di-atas kebijaksanaan Menteri Yang Berhormat itu dapat-lah berikhtiar pula untuk menyelamatkan orang² di-Melaka yang sedang di-serang oleh pajak musim itu.

Jadi, untuk memberi kenyataan yang lebih lanjut lagi saya suka-lah bertemu atau pun boleh juga di-tetapkan satu masa kita pergi di-kawasan itu melihat dan menyiasat sa-chara mana dapat kita melepaskan supaya orang² yang telah di-tekan oleh orang² tengah itu dapat di-selamatkan. Saya rasa chukuplah sa-takat ini sahaja.

Enche' Ahmad bin Haji Yusof (Krian Darat): Dato' Pengerusi, saya suka hendak berchakap dalam muka 54, Sub-head 8. Sa-telah saya mengikuti beberapa hari berkenaan dengan perbahathan Kementerian Pertanian ini, perkara ini tidak pun pernah di-sentuh oleh rakan² saya yang berchakap terdahulu daripada saya tadi. Oleh sebab itu terpaksa-lah saya menyebutkan berhubung dengan Agricultural Shows ini. Saya suka menyokong semua chadangan yang di-datangkan oleh rakan² saya tadi, chuma saya hendak menambah sedikit berhubung dengan memberikan hadiah².

Saya fikir, hadiah² dan bantuan² yang di-beri kepada pemenang² itu patut-lah di-ubah tidak sa-bagaimana pada hari ini ia-itu di-berikan piala atau perisai dan lain², tetapi patut-lah diberikan lembu atau kerbau atau pun kambing atau apa² juga yang di-fikirkan menasabah oleh pejabat ini. Dengan chara macham ini baharu-lah

sa-suai dengan Pejabat Pertanian ini untuk menambahkan makanan dan lain²-nya dan ini-lah satu perkara yang dapat perhatian daripada orang ramai.

Yang kedua ia-lah berhubung dengan muka 55 Drainage and Irrigation Division. Di-sini saya suka-lah memberi pujian kepada pejabat ini yang mana dalam Kementerian ini boleh di-katakan perjalanan parit-memarit itu di-lancharkan dengan pesat-nya. Dalam pada itu ada satu perkara yang patut di-ambil perhatian ia-lah di-dalam jajahan Krian ada mempunyai dua kawasan ia-itu kawasan tanaman awal dan kawasan tanaman lambat. Dengan sebab di-buat dua kawasan ini kerana perbekalan ayer Bukit Merah itu tidak menchukupi bagi memberi ayer dengan sa-kali gus, tetapi dalam kawasan lambat ini paip-nya memang-lah terlambat satu bulan daripada kawasan awal, tetapi pada tahun ini satu kejadian yang ta' di-sangka² ia-itu kawasan lambat ini sudah menjadi dua kawasan pula ia-itu lambat dan kawasan yang lebih lambat. Kawasan yang lambat ini sa-bulan terkemudian daripada kawasan awal, tetapi kawasan yang lebih lambat itu sa-bulan lagi kemudian daripada kawasan lambat. Jadi dua bulan kemudian daripada kawasan awal. Sebab²-nya ia-lah kerana pehak pentadbir ini yang saya nampak tidak begitu mahu bertolak ansor dengan petani². Pehak petani² berkehendakkan supaya paip ayer itu di-besarkan daripada yang sudah, umpama-nya pada masa yang lalu paip ayer yang di-beri sa-suatu tali ayer kechil itu di-buat dengan pintu, tetapi dalam sa-tahun dua ini di-buat pula yang merupakan paip sahaja. Paip ini terlampau kechil dan orang² kampung telah pun meminta supaya paip itu di-besarkan, tetapi pehak pejabat ini tidak mengambil hirau di-atas permintaan orang² kampung itu sa-hingga telah beberapa parit di-belah oleh orang² kampung sendiri. Maka apabila parit² itu sudah di-belah baharu-lah mereka itu dapat ayer, dan baharu-lah pehak pejabat ini membesarkan paip yang di-minta oleh

orang² kampong itu. Jadi dengan chara yang sa-umpama ini, saya fikir itu-lah yang saya katakan tidak mahu bertolak ansor dan sa-patut-nya sa-belum lagi pehak petani² ini membelah segala parit² itu patut-lah di-fikirkan sama ada menasabah atau tidak, jangan bila di-belah baharu hendak di-besarkan. Chara yang sa-umpama ini boleh jadi menggalakkan mereka itu membuat sa-suatu perkara yang ta' di-ingini pada masa akan datang.

Yang ketiga ia-lah berhubung dengan Perikanan—muka 57 Administration. Saya baharu² ini ada melawat ka-Kedah dan saya dapati nelayan² disana tempat bernama Yan telah menjadi heboh, sebab ada dua kejadian ia-itu pada 25 haribulan December dan 2 haribulan January, 1962 ini nelayan² daripada Siam telah datang ka-satu tempat di-Pulau Sumsum nama-nya dan telah mengebom ikan² di-situ. Jadi perkara yang sa-umpama ini dalam satu minggu telah dua kejadian dan tentu-lah saya ta' tahu beberapa kali telah terjadi sa-belum daripada itu dan harus akan terjadi beberapa kali di-belakang hari kelak. Maka dengan kerana itu saya berharap pehak Kementerian ini supaya bekerjasama dengan pehak² marine atau lain² supaya dapat menangkap orang² yang membuat perkara yang ta' di-ingini sa-umpama itu, kerana dengan chara² yang begitu boleh jadi merosakkan ikan atau baka² ikan dalam negeri kita ini.

Enche' T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr. Speaker, Sir, I wish to speak on Sub-head 105, Rehabilitation Loans for Special Constabulary. These special constables, Sir, on being discharged from service are given special loans which they are expected to pay regularly. I have come to understand, Sir, that in certain instances, where these constables are not able to pay their loans regularly as they should, very serious steps are taken to recover these loans. Those who are able to pay their loans regularly are given the privileges of refunding only a quarter of the loan; but if the loans are not paid regularly, they are expected to

pay the full amount, and if they failed to pay up the full amount sometimes very severe steps are taken—sometimes these unfortunate persons have to be sent to prison. I would like to appeal to the Ministry concerned whether it would be possible for them to relax slightly so that these unfortunate people, who sometimes through foolishness have failed to pay the loans regularly, be allowed to pay the same amount as they would have paid if they had paid their loans on time. I would also like to appeal to the Ministry concerned that these people be not so harshly treated as to be sent to prison, unless the Ministry is assured that they have the means to pay but are refusing to pay the amount; and in the meantime the loans be held against them until such time as they are able to pay back the loans.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Abdul Aziz bin Ishak):

Tuan Pengerusi, jumlah semuanya ada 35 orang Ahli² Yang Berhormat yang beruchap dan menyoalkan atas belanjawan Kementerian saya. Daripada 35 orang itu pula sa-saorang bertanya ta' kurang dari 5 soalan. Jadi jumlah-nya 175 soalan. Saya ta' berniat hendak menjawab semua-nya sa-kali tetapi saya hendak terangkan pada dasar-nya sahaja. Dalam masa dua hari ini banyak Ahli² Yang Berhormat telah menyentoh perkara perjalanan gerakan sharikat kerjasama. Gerakan sharikat kerjasama pada masa sa-belum perang dahulu sudah pun bergerak lebih kurang 40 tahun tetapi di-masa dahulu chara bergerak-nya ada-lah berlainan. Ada dua tiga jenis sharikat jimat-chermat, sharikat kampong dan sharikat 'am, dan ada satu dua jenis sharikat kerjasama yang lain lagi. Biasa-nya dahulu sharikat² ini di-tubuhkan di-kampong² guna-nya ia-lah untuk berjimat-chermat dan ahli²-nya ada yang 20 orang, ada yang 30 orang dan ada yang 40 orang. Mereka ini ada-lah di-minta supaya berjimat-chermat bagi menyimpan wang dua ringgit satu bulan. Bila wang itu terkumpul satu ribu ringgit, sharikat ini di-tutup dan membuka pula sharikat di-tempat lain.

Demikian-lah selalu-nya terjadi. Pada masa penjajahan di-Tanah Melayu ini konon-nya ada sharikat kerjasama tetapi pada dasar-nya ia-lah topeng saja dan ahli²nya ta' tahu satu pun berkenaan dengan dasar-nya atau policy dan perjalanan sharikat² ini. Hanya pegawai²-nya yang memakai pakaian yang chantek² dan berebut² dengan kerja² hendak masuk menjadi MAS dan lepas itu menjadi MCS. Kemudian semua buku² minit sharikat² itu adalah di-tulis semua sa-kali oleh pegawai² itu. Jadi ahli²-nya ta' tahu langsung berkenaan dengan urusan² menjalankan sharikat²nya. Sa-sudah perang dunia kedua ini dasar itu berubah dan jenis² sharikat pun semakin-lah bertambah. Sekarang kita ada 59 jenis sharikat kerjasama termasuk bermacam² sharikat, sharikat ayer batu, sharikat ikan, sharikat kopi dan berbagai² lagi. Gerakan sharikat kerjasama ini tidak ada had perjalanan-nya. Sa-kali pun di-mana sahaja ra'ayat itu di-tindas maka mesti-lah di-gerakan sharikat kerjasama walau pelayan² sekali pun yang di-tindas oleh pehak majikan-nya maka harus-lah pelayan² itu mengadakan sharikat kerjasama-nya, atau pun penari² ronggeng kalau kena tindas sa-macam itu maka terpaksa-lah berbuat demikian. Bagitu-lah luas-nya gerakan² sharikat kerjasama.

Dan saya fikir ada juga Ahli² Yang Berhormat daripada sa-belah sini dan sa-belah sana mengkeritik—ini bagus. Nampak-nya Ahli² Yang Berhormat yang mengkeritik itu sedikit, tetapi "Headline" dalam surat khabar nampak-nya luar biasa. "Headline" itu mengatakan gagal, dan Menteri Pertanian "under fire" tetapi isi-nya tidak begitu terok. Saya hairan apa-kah sebab²-nya maka perkara itu jadi demikian? Oleh itu saya hendak terangkan ada-lah pergerakan sharikat kerjasama ini bukan-lah senang. Kita telah membesarkan-nya hanya dalam masa 5-6 tahun sahaja. Keada'an masa dahulu saya telah terangkan tadi. Tetapi satu daripada tanda-nya ia-lah dalam masa 4-5 tahun ini perkembangan-nya sangat maju, terutama sa-kali di-luar bandar. Dari jumlah 400,000 ahli yang ada sekarang,

250,000 ada-lah ahli di-luar bandar dan 150,000 dalam bandar. Di-luar bandar, Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang kita telah ma'alum orang² Melayu di-kampong² kurang pengalaman dan kurang pelajaran. Jadi dengan sa-rentak dan dalam masa yang singkat ini kita hendak menggerakkan dan hendak memajukan sharikat kerjasama ini bukan-lah mudah. Walau pun begitu saya hendak terangkan kemajuan² yang telah di-chapai kerana kesedaran dan kemahuan ra'ayat sendiri. Mithal-nya, dalam tahun 1959 kita telah menutup 86 sharikat ia-itu 2.08 peratus, kerana tidak bergerak, kerana ahli-nya kurang jujor, terutama sa-kali pegawai² yang menjalankan-nya. Bukan pegawai² Kerajaan tetapi pegawai² sharikat itu. Mereka kurang jujor dan kurang yakin dan tidak tahu selok-belok chara perjalanan dengan baik. Pada tahun 1960 hanya 51 buah ia-itu 2 peratus dan pada tahun 1961 hanya 1.04 sharikat di-tutup. Kita menitik-berat dan menumpukan usaha, tenaga dan masa kita kepada sharikat² yang ada harapan baik, sharikat² yang terdiri daripada pegawai²-nya yang berjalan dengan baik dan dengan menurut rukun sharikat kerjasama. Tuan Pengerusi, jikalau-lah konon-nya sharikat ini tidak bergerak, tidak-lah modal-nya tiap² tahun bertambah hampir² \$10 juta. Ini menunjukkan bahawa sharikat² kerjasama kita memang bergerak. Saya tahu ada keretik² daripada sa-belah sini dan sa-belah sana. Tetapi saya hendak tahu, Tuan Pengerusi, ada-kah pengeritik itu sendiri menjadi ahli dalam pergerakan sharikat kerjasama? Saya tidak tahu. Kalau hendak keritik dari luar boleh. Tetapi kalau bersama² bergerak dalam pergerakan ini biar-lah memimpin sharikat itu sharikat itu sendiri kerana itu ada lebeh baik daripada mengkeritik. Jikalau ini tidak betul dan tidak boleh; suroh orang lain buat pula. Tetapi sa-belum kita sendiri menjalankan tidak usah-lah kita mengkeritik. Kerana ini-lah harapan ra'ayat yang besar sa-kali. Kita hendak beri satu dua atau 10-20 orang kaya, boleh, tetapi tujuan kita hendak beri orang kampong senang dan

mewah beramai². Pada fikiran saya tidak ada lain jalan, melainkan dengan pergerakan sharikat kerjasama.

Jadi saya tidak hendak berchakap lagi atas pergerakan sharikat kerjasama. Sekarang saya chuba hendak menjawab sa-boleh²-nya satu persatu soalan² daripada Ahli² Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Besut telah menyoal tentang herbarium yang mana kata-nya herbarium ini mustahak. Saya bersetuju, tetapi pegawai² kita saperti pegawai² penyelidek (research) dan scientists² sangat kurang. Kita hanya ada herbarium, tetapi herbarium daun² kering ada 3,000 jenis pokok yang mustahak bagi mengubati chara kampong termasuk-lah pokok tandok², yang menyebabkan darah tinggi. Pokok batu peler kambing akan menurunkan darah pula, dan pokok alba, bachuli, keroma, pengaga dan sa-bagai-nya. Pada tahun hadapan kita akan mengadakan herbarium bagi pokok yang basah dan hidup. Yang Berhormat itu hendak-lah bekerjasama menubuhkan herbarium ini.

Yang Berhormat dari Temerloh mengatakan pantai Pahang itu tanahnya pasir. Sekarang kita ada pusat penyelidekan tanah pasir di-situ yang mana sudah berjalan sa-tahun. Kita hendak siasat bagaimana chara-nya tanah pasir ini boleh di-gunakan supaya tanaman itu subur.

Berkenaan dengan menambah pelajaran bagi Veterinary Assistant itu ada-lah di-jalankan oleh bahagian Veterinary sendiri, bukan-lah dalam satu maktab yang khas. Berkenaan dengan ternakan kambing biri², kerbau dan lembu itu negeri Pahang-lah yang di-utamakan dan telah di-untukkan \$60,000 sa-belum negeri² lain—4-5 tahun dahulu negeri Pahang telah diberi keutama'an, termasuk Temerloh saperti yang saya terangkan dahulu. Berkenaan dengan kerbau di-Pahang itu liar, sekarang kita hendak menjinakkan. Itu sebab-nya kita menghantar banyak kerbau ka-Pahang supaya mereka berkawan dengan kerbau yang liar itu.

Berkenaan dengan Co-operative Marketing di-Lembah Bilut yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat dari Temerloh, maka masa ranchangan Lembah Bilut itu berjalan, co-operative belum berjalan. Penduduk dalam ranchangan ini sudah menubuhkan sa-buah sharikat dengan sendiri untuk menjual barang² dan membeli barang² keluaran dari kampong, tetapi sa-telah 1-2 tahun perjalanan-nya sudah tidak betul, dan sekarang ini telah di-bena sa-mula dan keluaran barang² saperti chabai dan sayoran ada-lah di-hantar. Memang perjalanan-nya pada tahun yang lalu tidak betul, tetapi sekarang sudah terator. Oleh kerana jalan itu belum siap, bila musim hujan tidak dapat hendak mengeluarkan barang², dan lori tidak dapat masok. Jadi apabila barang² di-keluarkan lambat, ia tidak laku. Barang² itu hendak-lah di-keluarkan pagi². Kalau terlambat tentu-lah chabai dan sayoran² itu tidak dapat di-jual, tetapi sekarang ini sudah terator.

Berkenaan dengan MAHA saya ucapkan terima kasih kapada Yang Berhormat dari Temerloh dan Ahli² Yang Berhormat yang lain yang telah menyentuh tentang MAHA. Tentang perkara ini saya hendak cheritakan pun saya berasa segan. Sudah 5 tahun saya boycott MAHA ini walau pun MAHA ini satu ranchangan di-bawah Kementerian saya. Sa-lama 5 tahun itu pegawai² saya tidak di-perentahkan bekerjasama, kerana MAHA ini adalah benar sa-bagaimana yang di-tudoh oleh Ahli² Yang Berhormat, ia-itu tujuan-nya hanya untuk menguntongkan pemodal², untuk menguntongkan saudagar² yang menjual jentera, yang menjual baja, menjual itu dan menjual ini. Oleh yang demikian kira² 5 atau 6 tahun dahulu saya telah minta Pengarah-nya, pada masa itu belum merdeka lagi, supaya MAHA ini di-jadikan satu pertunjukan yang benar² pertunjukan pak² tani, tetapi dia kata, ta' boleh. Saya minta supaya barang² makanan, hidangan² yang chukup zat makanan-nya, hidangan makanan yang sa-chukup²-nya saperti yang di-adakan di-negeri Masir, Indonesia dan India, di-mana pertunjukan² pertanian

ada-lah pertunjukan² makanan masak-memasak yang chukup mempunyai protein, carbohydrate dan sa-bagai-nya. Dia engkar dan enggan bekerjasama, pegawai itu di-suroh buat tetapi dia ta' mahu buat. Jadi, saya rimas, dan daripada hari itu saya pun tidak bersama²-lah. Kalau fikiran² yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat itu sa-benar-nya berkenaan dengan perkara ini, maka saya uchapkan berbanyak terima kaseh, tetapi sudah terlambat 5 tahun.

Berkenaan dengan anak ayam 5 ekor sahaja di-berikan kepada orang² kampung, saya fikir itu tidak betul. Sa-kurang²-nya ayam² itu di-berikan 50 ekor atau lebih.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Utok penerangan, di-kawasan saya di-berikan 5 ekor sahaja.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Itu salah. Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar berkata supaya Pegawai² Tanaman di-tambah lagi. Itu memang-lah sekarang kita sedang berusaha; Ahli² yang lain juga ada sebutkan pegawai² ini sangat kurang, memang betul, kerana apa? Pegawai² kita itu kurang kerana banyak-pegawai² itu datang daripada negeri² yang menghantar-nya untuk belajar di-College tetapi sa-tengah² negeri itu tidak menghantar pegawai²-nya. Jadi, oleh kerana negeri itu tidak menghantar, maka bila penuntut² itu lulus dia hendak ambil tentu-lah tidak dapat, melainkan mana² negeri yang menghantar sahaja-lah yang mendapat keutamaan. Dalam ranchangan ini saya fikir dalam masa tiga tahun lagi kita akan mempunyai chukup pegawai² yang lulus daripada Maktab dan kita akan penohi tempat² iut. Saya hendak terangkan di-sini kerana ada juga Ahli Yang Berhormat menudoh ia-itu Pegawai² Pertanian lari atau keluar daripada Kementerian ini. Ini benar, kalau dia hendak keluar apa kita boleh buat, mengapa? Dia chari chinta yang baharu, yang lama dia tidak suka lagi. Jadi, saya sendiri tidak hendak menahan pegawai² yang mana dapat peluang sebab mereka hendak mem-

baiki chara hidup mereka atau hendak menambah pendapatan mereka, dan saya tidak menahan mereka. Tetapi terpulang-lah kepada timbang rasa mereka sendiri dan saya sendiri dapati kadang² bukan kata mereka hendak keluar tetapi kerja² mereka tidak begitu elok—tidak begitu memuaskan dan terpaksa juga di-keluarkan. Ini pun ada juga. Jangan-lah hendak kata berat sebelah sahaja, bahkan kedua²-nya sarpupa juga. Kapada Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam sama-lah juga jawab-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bertanya tentang serai, betek, ubi kayu dan sa-bagai-nya. Saya hendak terangkan ia-itu bukan baharu buah betek ini kita tahu boleh melembutkan daging yang keras. Tetapi sekarang ini kita hendak buat perusahaan yang besar chara synthetic—chara baharu yang lebih mudah dan senang. Di-negeri kita ini belum lagi chukup pakar² Science yang boleh menjalankan penyelidekan dalam perkara ini.

Ubi kayu memang banyak ada tetapi banyak jenis-nya, ada yang boleh di-makan dan ada yang tidak boleh di-makan. Sa-tengah²-nya di-buat sagu. Di-Perak dahulu banyak di-tanam di-tanah² haram dan beratus² tan di-hantar keluar. Dalam perkara ubi kayu ini, ia-lah juga satu perusahaan yang boleh menguntungkan, tetapi, apabila di-bandingkan dengan getah dan dengan jenis² tanaman yang saya sebutkan tadi, saya fikir tidak boleh menchukupi hasil daripada tanaman itu.

Pegawai² Pasaran yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu; di-bawah bahagian sharikat kerjasama hanya ada 4 orang sahaja, tetapi sa-benar-nya ada 5 orang dalam Kementerian saya, jadi semua-nya ada 9 orang. Itu pun tidak chukup oleh kerana membuat satu² ranchangan yang kita lakukan itu dari satu masa ka-satu masa. Jika ada banyak Pegawai² Pasaran ini ia-nya akan di-tentukan untuk ranchangan²-nya masing². Dan dari sa-tahun ka-sa-tahun kita akan menambah lagi 5, 10, 50 orang sa-hingga chukup untuk

ranchangan kita, terutama-nya bagi pasaran.

Saya hendak sebutkan perkara buah²an. Soalan buah²an ini di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu. Ada banyak beneh buah²an ya'ani Jabatan Pertanian sudah di-tugaskan supaya menyediakan beneh² baka yang baik pada tahun 1955 dan sekarang ada sedikit. Malang-nya apa yang hendak digunakan oleh pak² tani yang hendak menanam baharu ia-lah rambutan dan durian. Ini pun tidak cukup. Buah duku, langsung, pulasan semua-nya ada baka yang baik, minta sahaja-lah terus kepada Pegawai Pertanian tempatan. Buah salak pun ada. Buah salak baka baik daripada Sumatera dan daripada Jawa pun ada. Rambutan boleh di-buat macham laichi. Ini ada di-buat oleh dua tiga saudagar meng-tinkan rambutan. Tetapi rambutan ini jenis bukan sa-rupa. Untuk di-makan oleh orang² Malayan jenis-nya lain. Sa-tengah berkehendakkan kalau untuk di-makan oleh orang² Eropa, dia berkehendakkan jenis 11. Jenis ini masam sedikit. Oleh orang kita, mereka sukakan jenis 1 sa-hingga 7 atau sa-bagai-nya. Dan jika kita hendak menghantarkan keluar negeri terpaksa-lah kita hantar jenis² yang di-sukai oleh orang² itu. Juga saya tahu ada penyiasatan di-buat hendak meng-garamkan, bukan menggaram rambut-an sa-hingga masin tidak, chuma sa-paroh garam sahaja macham garam yang datang dari negeri China. Dan kita sedang menyiasat-nya sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu telah juga bertanya berkenaan dengan kambing; kambing memang-lah mahal lagi, kerana itu-lah sebab-nya kita hendak membiakkan kambing. Akan tetapi dalam masa tujuh lapan tahun ini bilangan² kambing sudah bertambah, mithal-nya tujuh lapan tahun dahulu bilangan kambing 25,000 ekor sahaja kambing yang di-sembeleh, tetapi sekarang 100,000 ekor. Jadi bertambah banyak lagi. Ini orang tidak sadar. Dahulu sa-orang pukul rata dalam Persekutuan Tanah Melayu ini

makan kambing sa-tahil sa-tengah, tetapi sekarang empat tahil, kalau makan sateh ta' tahu-lah entah berapa chochok. (*Ketawa*). Pukul rata sudah bertambah dua kali banyak-nya.

Berkenaan dengan Maktab Kerja-sama, Tuan Yang di-Pertua, memang-lah sekarang ini bukan sahaja pen-sharah-nya ada di-Maktab ini, tetapi juga pakar² dalam bahagian ekonomi semua-nya datang ka-Kementerian ini untuk memberi sharahan di-sana. Dan juga daripada bahagian² lain termasuk pakar² dalam Bangsa² Bersatu yang ada dalam negeri ini juga memberi sharahan²-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Parit bertanya tentang kekurangan pegawai² sharikat kerjasama. Pegawai² sharikat kerjasama itu ada-lah manusia biasa juga. Mereka memandang di-mana² kalau ada peluang mereka fikir mereka boleh dapat gaji yang lebeh. Jadi, susah-lah bagi kita hendak memenohi jawatan² kosong dan juga untuk hendak menaikkan pangkat daripada Assistant Registrar kepada Deputy Registrar dan sa-bagai-nya. Ini sa-benar-nya bukan-lah tanggong-jawab kita, tetapi ada-lah tanggong-jawab Surohanjaya Per-khidmatan Awam. Memang banyak kali lambat, apa yang kita minta lambat sangat di-berikan keutamaan; yang mana di-fikirkan mustahak itu-lah di-dahulukan, dan kita jarang² men-dapat dahulu. Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyoal tentang Sharikat Chap Mengechap. Sa-malam telah di-tubuhkan, tetapi chuma yang tersiar di-akhbar Inggeris sahaja, akhbar lain tidak ada. Jadi, orang² kampong itu tidak tahu-lah apa yang telah di-terangkan dalam meshuarat pertubohan sa-malam. Tetapi saya hendak terangkan di-sini ia-itu tujuan mula² hendak mendirikan Sharikat Chap Mengechap itu pada tahun 1929 gagal, lepas itu tahun 1954 pula pun gagal; tahun 1959 baharu-lah mula bergerak dan bergerak pun tidak puas hati kerana tidak ada pakar. Baharu sa-malam di-tubuhkan Sharikat Chap-Mengechap, kerana, sa-lain daripada menyediakan buku² yang di-berikan untuk gerakan sharikat kerjasama

ada lain² lagi pula yang tidak kurang belanja-nya daripada sa-tengah juta ringgit sa-tahun. Itu ia-lah sa-lain daripada yang di-sysclostile. Kalau kita hendak ambil semua perbelanjaan bagi gerakan sharikat kerjasama untuk chap-mengechap, buku² kira², buku² daftar dan sa-bagai-nya saya fikir satu juta sa-tengah pun tidak chukup. Itu-lah sebab mustahak kita adakan Sharikat Chap Mengechap dan juga tujuan-nya sangat luas saperti hendak mengadakan majallah untuk mengembangkan gerakan sharikat kerjasama kerana banyak kali surat khabar harian tidak hendak siarkan, jadi tidak dapat-lah perkembangan itu luas. Oleh itu, dalam jangka panjang kita hendak juga mengeluarkan akhbar harian dalam bahasa Melayu, dan Inggeris juga. Tetapi ini jangka panjang, tidak esok atau lusa.

Berkenaan dengan bekas² S.C., mula² dahulu sa-belum saya jadi Menteri saya-lah yang hendak menjadi jagoh konon. Bekas² S.C. sa-sudah dharurat, di-pindahkan ka-satu kawasan di-Perak, tetapi malang-nya kawasan² itu tidak ada guna langsung. Orang² itu dudok di-kawasan yang tanah-nya tidak boleh di-tanamkan apa² kerana tanah itu ada-lah tanah lombong yang telah di-tinggalkan. Bekas² S.C. ini biasa-nya memegang senapang, jadi, hendak memegang changkul pun susah-lah sadikit. Sa-lain daripada itu tanah itu pula tidak subur, dan bermacam²-lah lagi masa'alah yang timbul. Yang sa-tengah-nya tidak dapat menjalankan kerja² tani itu, dan itu salah dahulu-lah, tetapi kita terima juga sekarang. Dalam masa'alah pinjaman wang pula, pada biasa-nya orang² kita berfikir, ini wang Kerajaan apa-lah guna hendak di-bayar. Jadi beberapa kali pinjaman yang di-berikan kepada bekas² S.C. di-beri syarat ia-itu kalau mereka pinjam \$2,000 ringgit kalau mereka betul membayar-nya akan di-potong \$500 jadi mereka hanya membayar \$1,500 ringgit saja. Jika \$1,000 ringgit, \$750 saja di-bayar balek. Tetapi sa-tengah-nya yang datang mengadu kepada Ahli² Yang Berhormat itu semua-nya orang yang tidak betul² mem-

bayar-nya kerana kadang² tiga empat tahun tidak bayar. Orang² itu kadang² datang ka-pejabat minta tolong, sa-tengah-nya sa-mata² tidak mahu membayar. Saya sendiri chuba hendak menolong-nya dan jarang² kita mengambil langkah yang tidak patut.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pula menudoh bahawa gerakan sharikat kerjasama di-Pantai Timor tidak maju. Saya tidak setuju oleh sebab beliau tidak menjadi ahli sharikat kerjasama, dan dia tidak tahu gerakan² yang berjalan di-kawasan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara atas perkara Pegawai Pasaran atau pasaran dan juga atas perkara gerai ikan atau Pusat Penyelidikan Ikan. Pusat itu sudah-lah di-bena dan sudah siap dan ikan pun sudah ditaroh dalam kolam itu, tetapi kalau lalu lintas sahaja tentu-lah tidak nampak. Ada beberapa jenis ikan.....

AN HONOURABLE MEMBER: Ikan keli. (*Ketawa*).

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Ada banyak jenis ikan-nya saperti ikan jelawas, ikan dari India ia-itu ikan katla dan lain² jenis ikan lagi saya sudah terlupa, tetapi ikan keli tidak ada. Bagitu juga berkenaan dengan orchid. Orchid ada-lah satu perusahaan yang besar, orang yang dahulu-nya tidak ada tapak tanah, dia chuma ada 20 kaki persegi boleh dapat makan dengan mewah. 20 kaki persegi kalau di-jaga baik² orchid itu boleh dapat di-jual dan saya fikir sama banyak dengan elaun Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. (*Ketawa*).

Enche' Tajuddin bin Ali: (Larut Utara): Dato' Pengerusi, saya hendak buat penjelasan sadikit ia-itu apa yang saya kaitkan chakapan saya tadi berkenaan dengan orchid itu ia-lah pertunjukkan MAHA di-Kuala Lumpur, ia-itu tidak ada apa guna-nya kepada orang kampung.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tetapi jika orang kampung tanam 20 kaki persegi orchid ia boleh dapat \$500. Yang Berhormat dari Larut Utara

sendiri juga ada tanam orchid banyak. (Ketawa). Dia boleh akui.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson berkenaan dengan Soils Scientist.....

Enche' Tajudin bin Ali: Dato' Pengerusi, untok penjelasan ia-itu tanah yang saya maksudkan itu ia-lah berkenaan dengan tanah negeri Perak khas-nya yang di-beri kepada bekas² Pasokan Kawalan. Kita telah mendengar perkara ini, kalau Yang Berhormat Menteri itu mengatakan tanah yang di-beri kepada bekas Pasokan Kawalan itu langsung ta' ada guna-nya, maka di-sini saya meminta dalam ucapan saya itu supaya Yang Berhormat Menteri itu membuat satu penjelasan yang tegas dalam Rumah ini supaya tanah² yang di-katakan ta' berguna di-negeri Perak itu apa guna di-simpan lagi. Boleh-kah di-beri kepada orang ramai atau orang yang sangat² berkehendakan-nya?

Mr. Speaker: Jangan panjang sangat.

Enche' Tajudin bin Ali: Tidak pendek sahaja.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tuan Pengerusi, saya akan selideki. Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson memang betul ia-itu satu jenis penyakit fungus yang sudah timpa kepada pokok² limau di-Telok Anson tetapi penyakit ini datang-nya dari luar dan sekarang bukan-lah soal soil scientist yang akan mengawal-nya tetapi plant pathologist. Saya akan bersama² sendiri ka-sana. Saya pun sangat suka melihat sendiri dan saya akan ka-sana ta' berapa lama lagi kerana mengambil tahu bagaimana chara mengatasi-nya sungguh pun sekarang bahagian pertanian mengambil langkah yang tegas.

Berkenaan dengan banjir Kampong Sabag itu, bukan-lah D.I.D. yang punya salah, dan perkara itu memang ada ranchangan-nya untok membaiki keada'an itu sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat Dalam atas buah² saperti pulasan, nona, langsung dan lain² itu saya sudah terangkan tadi ia-itu oleh

kerana orang² ta' tahu. Jadi saya fikir saya jemput Ahli² Yang Berhormat daripada Rumah ini supaya mengambil berat di-mana sahaja ada Pusat Penyelidikan Pertanian sila-lah melawat serta ambil tahu di-mana ada bermacam², tetapi jarang² sangat orang² melawat, bukan sahaja Ahli² Yang Berhormat tetapi juga orang ramai. Tujuan kita mengadakan berpuluh², beratus² Pusat Pertanian ia-lah untok orang ramai tetapi orang ramai tidak hendak melawat sangat, kerana saperti yang saya katakan tadi ia-itu mereka beratkan buah²an yang biasa.

Berkenaan dengan telur ayam. Harga telur ayam alham dulillah sekarang sudah naik sedikit, kalau dahulu harga telur ayam turun patut-lah di-gaduh, tetapi sekarang harga telah naik pun juga gaduh. (Ketawa). Jadi saya serba salah. Bagi orang² kampung jikalau harga ayam itu naik dapat-lah tambahan pendapatan, tetapi bagi orang² bandar itu untong pada orang² kampung. Yang naik harga itu sebab sekarang telur² yang datang dari negeri China ta' ada banyak lagi di-bawa ka-sini. Orang² kampung ta' usah-lah beli telur. Tujuan kita memberi ayam itu ia-lah supaya orang² kampung menternak sendiri, makan sendiri, bukan hendak beli. Kalau hendak beli memang tentu ta' chukup duit.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan. Memang \$40,000 di-untukkan untok tahun sudah dan juga tahun ini bagi pelajaran kerjasama (co-operative education) tetapi duit itu hendak dibelanjakan untok mengadakan seminar² kawasan dan seminar², itu hendak diadakan selekas-nya. Kalau habis duit yang \$40,000 itu, saya yakin kita akan tambah lagi. Tujuan kita ia-lah hendak mengembangkan rukun² sharikat kerjasama bagi orang² kampung. Kita berkehendakkan seminar² yang banyak. Ini bukan sahaja kepada Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan tetapi Ahli Yang Berhormat seluroh-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir, jikalau ta' salah saya, ia-lah berkenaan dengan pokok tebu.

Kita sedang menyelideki perkara ini kerana dahulu kita tidak utamakan-nya oleh sebab perkisaran pertanian (agricultural diversification) itu tidak di-utamakan kerana jenis² tebu yang kita boleh dapat gula-nya ta' chukop. Di-Ceylon boleh di-kawal kawasan itu sunggoh pun hawa-nya sa-rupa tetapi hujan-nya kurang. Saya fikir kawasan² utara saperti Perlis, Kedah boleh tanam tebu tetapi malang-nya tanah² itu sudah di-jadikan sawah padi. Jadi, ada-kah kita hendak berkisar ka-tebu atau macham mana. Itu terpulang-lah kepada tuan² sendiri memikirkan-nya. Kalau ada tanah² yang hujan-nya kurang panas-nya selalu, boleh-lah kita tanam tebu, tetapi kita hendak-lah menyelideki berapa jenis tebu yang biasa di-tanam di-India.

Berkenaan dengan buah janggus atau ketereh atau jambu golok atau gajus, memang perkara ini kita hendak jalankan lama sudah. Saya buat pamiran itu 4 tahun dahulu dan kita bawa masuk jenis² dari India dan juga lain² tempat untok di-tanam di-Pusat Penyelidekan Kuala Trengganu dan juga di-Pahang dalam kawasan di-jalan arah ka-Pekan. Janggus yang ada kita bawa dari luar negeri, keluaran-nya ta' chukup banyak dan yang susah-nya ia-lah pakar yang kita bawa dari India itu yang konon-nya di-beritahu oleh sa-orang Pegawai Pertanian kepada Ahli Yang Berhormat itu ada-lah ta' betul. Ia di-bawa ka-sini ia-lah untok hendak memproseskan, untok hendak menjadikan chara membuat biji gajus itu supaya ia dapat di-buat dengan lebih senang dan dapat di-exportkan. Itu ilmu ta' susah, tetapi ta' boleh buat di-sini dan kita berkehendakkan pakar² kita pergi ka-India. Jadi, yang di-katakan chemburu itu saya fikir tidak-lah betul.

Buku² ternakan ayam dan binatang memang ada di-keluarkan oleh Kementerian. Dan saya pun ada menulis "kata pendahuluan" dalam buku itu. Jika tidak chukup, beri tahu di-mana sahaja kita boleh hantar. Harga-nya 50 sen sahaja.

Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Sungai Patani—tetapi ia tidak

ada di-sini—membangkitkan perkara Pesurohjaya Perbanchian (Commissioner of Census). Ada-lah ranchangan hendak mengadakan perbanchian itu satu ranchangan baharu yang mengambil masa 3 tahun. Pegawai² ini bukanlah orang biasa, tetapi orang yang di-ambil daripada beberapa pejabat. Oleh kerana Pesurohjaya (Commissioner) itu daripada bahagian lain, maka gaji-nya pun berlain. Bila kita kira kebolehan-nya, ia dapat gaji lebih sedikit, tetapi sekarang ia telah habis tempoh-nya dan sudah balek ka-England. Di-dalam masa beberapa bulan habis-lah pekerjaan Pesurohjaya (Commissioner) of Census Division.

Berkenaan dengan Pengarah Pertanian (Director of Agriculture) bangsa Eropah itu, baharu pada 11 haribulan ini ia balek ka-Eropah—tidak akan balek ka-mari lagi—baharu 4 hari ia balek. Dan daripada tarikh itu kita akan menentukan salah sa-orang daripada Timbalan-nya akan memenohi tempat-nya itu.

Berkenaan dengan Pegawai Pengawedaran (Canning Officer) (Timescale) itu ia-lah Pegawai Pengawedaran (Canning Officer) pelateh sahaja, dan ia baharu saja lulus. Menurut tingkatan gaji, ia dapat hanya \$550 sekarang, tetapi lama kelamaan ia akan pergi kepada kursus kelulusan lanjutan sa-bagai keahlian (post-graduate course specialisation), dan kalau ia lama bekerja tentu-lah gaji-nya bertambah.

Berkenaan dengan Penolong Perhaiwanan (Veterinary Assistants) dan Pelayan Perhaiwanan (Veterinary Attendants) itu kalau saya jawab pun Yang Berhormat itu tidak ada di-sini. Tentang Kawalan Serangga (Pest Control) itu, memang tiap² tahun kita tambah peruntokan-nya. Sekarang ini kita kurangkan. Kita tidak menggunakan belanja banyak, kerana pakar dari Jepun yang menjalankan penyelidekan sudah hampir 4 tahun yang mana perbelanjaan² mereka itu datang-nya daripada perbelanjaan 'am (general), tidak termasuk dalam bahagian ini, sebab mereka datang ka-sini di-bawah Ranchangan Colombo.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentoh tentang ikan sepat. Beliau² mengatakan dahulu ikan sepat itu banyak tetapi sekarang kurang. Sebab-nya bagini, jika taliayer itu chekap (efficient) ayer-nya deras, tidak berlonggok, ikan tidak ada. Ikan hidup ia-lah dalam ayer longkang yang semak dan dalam, dan di-situ ia chari makan. Tetapi, jika longkang itu berseh dan elok serta bagus tentu ikan tidak ada. Ada satu langkah ia-itu pak tani hendak-lah menggali perigi lain daripada taliayer itu di-mana kita akan isikan benih ikan sepat Siam, ikan puyu atau ikan betok—kata orang Kelantan—dan sa-bagai-nya. Ini-lah chara yang sebaik²-nya. Tetapi kalau ikan pun hendak banyak dan taliayer pun hendak baik, tidak boleh jadi dua², melainkan satu sahaja.

Berkenaan dengan Penolong Pertanian (Agricultural Assistant) yang lari tengah malam itu saya telah terangkan.

Yang Berhormat dari Seberang Utara membangkitkan tentang harga padi. Harga padi itu bergantung kepada pasaran. Jika kita naikkan pun harga padi di-seluruh negeri ini \$2 lagi menjadi \$17 tetapi pasaran-nya tidak dapat di-kawal 100 peratus, maka untong-nya tidak pergi kepada pak tani tetapi pergi kepada “orang tengah” biasa-nya. Jadi sekarang kita hendak dengan sa-chepat²-nya mengawal pasaran padi 100 peratus supaya harga \$15 yang di-aku² itu boleh masok ka-kocek pak tani sendiri. Biasa-nya masa’alah itu kita tidak mendalami, jika kita mendalami tentu-lah kita bersetuju.

Yang Berhormat dari Tanah Merah menudoh atas dasar kapitalis. Saya bersetuju 100 peratus. Dasar kapitalis ada-lah berlawanan dengan dasar gerakan sharikat kerjasama, terutama sa-kali tentang pasaran. Tentu-lah kita tidak dapat mengatasi soal pasaran dengan sa-penoh-nya, sa-lagi perkara yang berlawanan ini tidak di-atasi. Tentang ikan darat saya telah terangkan tadi. Tentang padi kuning di-Sungai Manik itu memang-lah jika musim kemarau ayer kurang dan ayer

itu tidak bertakong, maka padi itu tidak chukup dapat ayer. Oleh itu penyakit merah pun tiba-lah. Penyakit merah ini belum dapat di-tentukan daripada apa puncha-nya. Banyak pakar² yang mempunyai pendapat² yang bercheranggah. Oleh itu sekarang maseh belum di-tentukan. Di-satengah² tempat jika baja chukup di-gunakan, penyakit merah itu lari, tetapi di-satengah² kawasan tidak. Dan penyakit merah ini bukan saja ada dalam negeri ini tetapi di-seluruh negeri dalam dunia ini di-mana ada padi ada-lah penyakit ini.

Berkenaan dengan Pegawai Perhutanan hendak tukar itu ada-lah perkara kechil, jika mustahak boleh-lah kita fikirkan. Jika Yang Berhormat berhubung dengan saya kita boleh putuskan. Tetapi kalau pegawai itu hendak naik pangkat maka kita tahan, mungkin-lah nanti ia lari.

Berkenaan dengan tekat-menekat ini ada-lah perkara perusahaan kampung dan perusahaan kerajinan-tangan. Saya tahu di-Perak-lah yang mashhor—saya datang dari Perak. Perkara ini bukan-lah di-bawah jagaan saya, tetapi di-bawah jagaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang berchakap berkenaan dengan penerangan. Memang sekarang kita sudah ada penerangan—sudah ada Majallah Sharikat Kerjasama untuk memberi penerangan yang luas dalam ilmu sharikat kerjasama ini dan ia-nya akan di-besarkan lagi.

Saya sangat terperanjat mendengar ucapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut ia-itu dalam kawasan-nya pada hari ini pembeli² padi sa-bagai semi-monopoly ada-lah di-jalankan oleh sharikat kerjasama di-kawasan 70,000 ekar tanah sawah yang biasa-nya dahulu dapat harga padi di-antara \$11 dan \$13 sa-pikul. Tahun sudah kita mula menjalankan sa-bagai permulaan di-kawasan² di-mana di-beli padi dengan tidak di-potong basah dan lain²-nya dengan harga berseh \$15 sa-pikul. Pada tahun ini kita juga maseh menjalankan. Ahli Yang Ber-

hormat itu telah bersama² berunding dengan saya beberapa bulan yang sudah, tetapi dia hari ini mengatakan ta' setuju dengan semi-monopoly itu. Ini saya pun hairan. Memang betul Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut itu mengatakan penyakit merah ada merebak di-dalam kawasan Krian Laut kerana musim kemarau. Kalau kemarau, bukan sahaja padi susah tetapi orang pun susah. Kita hendak minum ayer pun susah. Kalau kawasan itu kemarau binatang² seperti kerbau lembu semua-nya susah. Kita akan ikhtiarkan-lah supaya boleh mengatasi-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, tiap² tahun dia menyuarakan perkara ini. Walau pun sudah saya jawab tetapi dia hendak tahu lagi. Sungai Kesang memang sudah di-bena tetapi Sungai Tangkak belum lagi. Dia maseh lagi berkehendakkan jawapan.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sa-benar-nya saya tahu Sungai Tangkak itu sedang di-kerjakan sekarang tetapi Sungai Kesang itu belum lagi.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Saya agak Sungai Kesang. Tetapi ta' apa-lah, kerja sedang di-jalankan. Kita akan menghantar Pegawai² Perikanan di-sana. Kita sekarang sudah banyak menjalankan kerja² untuk mengisi ikan² ka-dalam kolam² di-tiap² negeri tetapi di-Johore belum lagi di-jalankan 100 peratus.

Berkenaan dengan penuntut lelaki sahaja di-ajarkan di-Sekolah Pertanian di-Tangkak, saya fikir boleh juga kita adakan kursus bagi wanita kalau-lah di-asing²kan, sa-kali perempuan dan sa-kali lelaki, chara² pertanian yang hendak di-ajar itu.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol berkenaan dengan pertelingkahan D.I.D. dan P.W.D., saya fikir tidak payah-lah di-bawa ka-mari kita boleh selesaikan di-sana. Kalau saya di-minta saya pun boleh selesai di-antara Menteri Kerja Raya dengan saya sendiri.

Wakil Kulim Utara mengenai perkara pakar buah²an. Tuan H. B. Smith dari Ranchangan Colombo telah mula memproses atau mengawed buah²an dan juga pemasaran dalam tahun 1957. Memang segala shor yang di-berikan itu ada-lah sekarang di-jalankan oleh Kementerian ini. Pada hari ini, kita sangat bernasib baik memperoleh sa-orang pakar Technology dan Consultant, ya'ani sa-orang dari Arab Republic, ia-itu Dr. Abdullah Shaki. Beliau ia-lah sa-orang yang terkemuka di-United Nations. Pada mula-nya kita tetapkan dia berada di-sini bagi masa sa-lama 4 bulan. Oleh kerana kita nampak ada fa'edah-nya kapada negeri ini maka kita sambong sa-tahun lagi. Maka dia sekarang menjadi sa-orang pengurus dan juga menjadi penasehat dalam serba serbi berkenaan dengan Technology makanan termasuk mengtinkan nenas yang di-jalankan oleh perusahaan nenas di-Tampoi itu.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara yang mengatakan buah² betek dan sa-bagai-nya boleh di-buat minyak rambut. Kalau kepala botak (*Ketawa*), saya fikir itu mustahil. Kalau sa-kira-nya rambut sudah puteh, itu pun susah hendak di-hitamkan. (*Ketawa*).

Berkenaan dengan beer yang di-shorkan itu, memang Surohanjaya Lembaga Nenas sudah dapat mengeluarkan sa-jenis arak. Saya pun belum rasa lagi; saya tidak boleh rasa tetapi kalau Ahli² Yang Berhormat hendak sedikit saya boleh bagi. Tetapi buat di-sini, kalau orang Islam tidak boleh-lah, tetapi kalau hendak sempel-nya sahaja saya boleh beri. Saya boleh beri sa-tengah botol. (*Ketawa*).

Bagi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis, dia tidak ada di-sini, berkenaan dengan Dry Land Crops. Memang saya tahu dia hendak minta penerangan atas Dry Land Crops—jenis² tumbuhan yang asing daripada yang telah saya terangkan tadi.

Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu sa-orang pakar juga dalam pertanian. Saya jemput-lah beliau datang ka-

Kementerian saya. Tuan Yang di-Pertua, pertanian jika hendak saya terangkan ada-lah beberapa jenis tumbuh²an yang perlu dan mustahak. Saya fikir sa-elok²-nya adakan rombongan datang ka-sana baharu-lah boleh menyoal satu persatu. Kalau menyoal di-sini saya tidak boleh memberikan jawapan yang memuaskan sa-lain daripada datang ka-tempat itu seperti yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara; dia sendiri pergi ka-Kebun Pak Awang yang tidak jauh dari sini ia-itu chuma 12 batu sahaja. Memang ada perhubungan yang rapat di-antara Kementerian dengan FLDA. Sekarang ini pakar² dalam Kementerian Pertanian ada-lah mempunyai perhubungan yang baik dengan Pengurus FLDA untuk menjalankan chara tanaman berkisar daripada getah kepada tanaman yang lain.

Saya menguchapkan terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat dari Bachok kerana saya juga tidak suka kulit puteh. Bagini kedudukan sa-benar-nya. Dalam Kementerian saya yang ada lagi pegawai² expatriate hanya pegawai² pakar, engineer dan juga Pegawai Penyelidikan (Research Officer). Pengarah Pertanian (Director of Agriculture) tidak lagi expatriate, tetapi Guru Besar Maktab Pertanian itu telah di-gantikan oleh kerana Guru Besar itu dahulu ada-lah pakar, dan di-naikkan pangkat. Dan juga seperti yang saya telah terangkan mula²-nya bahawa Maktab itu ada-lah di-bawah jagaan-nya. Saya hendak jawab berkenaan dengan perkara hilang keperchayaan kepada gerakan sharikat kerjasama. Saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat itu ahli sharikat kerjasama atau tidak (*Ketawa*), itu-lah susah. Tentang pegawai² yang ikhlas, memang sekarang semua boleh di-katakan 100% daripada pegawai² gerakan sharikat kerjasama itu ada-lah ikhlas. Sa-tengah-nya bekerja bertungkus-lumus, tetapi bila bekerja dengan orang² kampung, dia tidak tahu teknik orang² itu maka timbol-lah salahfaham dan jadi berbalah. Kadang² bagus juga orang yang berjiwa keras dan sedikit perengus itu kerana ada juga kawasan² yang berkehendakkan

orang² yang sa-macham itu. (*Ketawa*). Berkenaan dengan pegawai² kerjasama (co-operative) di-Bachok, kita hendak ambil pegawai² baharu, tetapi kita berkehendakkan 6 bulan melateh mereka. Saya hendak juga tunaikan janji saya yang dua tahun dahulu hendak melawat ka-Bachok.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Saya suka hendak mengingatkan sadikat ia-itu dalam chakapan saya dahulu saya hendak tahu apakah langkah² bagi masa hadapan supaya tidak berulang kegagalan di-dalam bantuan ini kepada S.C.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Dalam ucapan saya telah saya terangkan ia-itu pada pertengahan tahun ini kita akan menempatkan sa-mula bekas² S.C. dan ini kita hanya memberi bekas² S.C. yang pertama yang belum mendapat bantuan wang sagu hati sa-kali gus, oleh itu kita tidak bertanggong-jawab lagi. Tetapi pegawai² lama itu kita akan serahkan kepada Pegawai Daerah untuk menjalankan-nya.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak di-beri sa-kali gus, itu ada-lah rehabilitation loan.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tidak ada lagi chara itu, hanya kita hendak beri hadiah. Rehabilitation Loan itu ada-lah bagi bekas² S.C. yang telah berkhidmat lebeh dari 5 tahun. Kata orang Kedah, "hendak menugai". (*Ketawa*). Sa-benar-nya orang selalu angkat², beri terima kaseh, beri pujian² ini saya takut, tentu ada udang di-sebalek batu. (*Ketawa*). Tetapi apa yang telah di-bangkitkan itu hampir semua sudah di-jawab, melainkan hanya berkenaan dengan kilang padi. Kilang padi ini sangat mustahak. Banyak kilang padi yang berjalan di-Perlis, tetapi tidak ada satu kilang yang besar untuk menerima padi² daripada seluroh negeri Perlis yang berjumlah 75 ribu ekar tanah sawah. Apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat itu ia-itu dahulu ada sedikit parut lama dan itu belum lagi semboh. Saya fikir terpulang-lah kepada ahli sharikat kerjasama di-Perlis, terutama

sa-kali kapada Yang Berhormat Menteri Besar itu sendiri menjadi Yang di-Pertua Agong dan kita boleh adakan bantuan untuk mendirikan satu kilang padi yang besar.

Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara, kita memang hendak menghantar pegawai supaya di-tempatkan di-Muar. Sekarang memang telah ada di-untokkan bagi Segamat, tetapi Pegawai Daerah kata tidak ada tempat hendak mengadakan pejabatnya. Oleh itu-lah sekarang kita tempatkan dia di-Muar. Saya mintalah kapada Yang Berhormat itu pujoklah Pegawai Daerah Segamat untuk memberi tapak peruntukan tahun ini. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat itu bahawa gerakan sharikat kerjasama di-Segamat itu lemah dan juga di-seluruh Johor kechuali di-Muar. Saya fikir hendaklah Ahli Yang Berhormat dari Johor itu bersama² mengambil bahagian dengan chergas. Saya harap tidak-lah ada keritik², dan saya hanya hendak menerangkan bahawa dalam masa tahun itu kemajuan yang lebeh baik sudah berlaku dalam gerakan sharikat kerjasama terutama dalam negeri Johor.

Ahli Yang Berhormat dari Baling, ia ta' ada di-sini. Ia sa-orang pakar dan bersemangat dalam gerakan sharikat kerjasama dan baharu² ini satu seminar yang besar telah di-adakan di-Baling dan di-dapati sangat memuaskan. Oleh itu sungguh pun Baling bukan kawasan sawah, tetapi pekebun² kechil getah sudah mendapat fa'edah yang banyak daripada seminar yang di-adakan itu. Tentang wang Bank Agong sudah bagus. Bank Agong sudah di-pindahkan pejabatnya ka-Kuala Lumpur sudah dua bulan dan sekarang di-jalankan di-sini dengan sa-orang pegawai yang kanan daripada Treasury dan juga Setia-Usaha Tetap Kementerian saya yang dudok dalam Bank Agong itu. Tentang kekerohan perjalanan Bank Agong itu sekarang ini sudah habis.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh'. Kita memang ada 3 orang pakar ilmiah tanah (soil scientist)

sekarang daripada Ranchangan Colombo yang datang ka-sini dan sa-orang dari Amerika ia-itu daripada rombongan peace corps. Jadi 4 orang yang akan menjalankan pemereksaan tanah yang subur atau tidak. Kita juga sekarang ini sudah mengadakan satu map atau peta yang menunjukkan tanah² yang sechara dasar-nya sa-suai untuk apa² jenis tanaman dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah satu usaha yang bebas di-buat sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun, ia pun ta' ada. Ia mengatakan berkenaan pokok nau atau kabong. Ini perkara lama dan kita tahu bukan sahaja Kementerian Pertanian ini mengambil usaha atau lain², tetapi kita ambil tahu tentang ada perusahaan² yang mengeluarkan buah kabong atau nau itu di-hantar ka-luar negeri oleh sharikat kerjasama Amoy Canning yang di-jual dengan harga 3s. 6d. Saya fikir ta' sampai 20 biji yang di-jual-nya itu. Ini memang banyak dapat kita ketahui. Bukan itu sahaja, bahkan juga sagu rumbia, mengkuang dan sa-bagai-nya. Memang dalam Kementerian Pertanian ada satu bahagian yang mengetin barang² dalam tin dan ilmu-nya itu di-ajarkan kapada pegawai² RIDA. Jadi ilmu² ini memang ada di-jalankan dalam Kementerian Pertanian dan di-hebah²kan untuk perusahaan RIDA dan lain², tetapi puncha-nya ia-lah Kementerian Pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada mendatangkan pandangan berkenaan dengan jagong dan sa-bagai-nya. Memang jagong ini tidak mengambil usaha yang banyak pada masa dahulu. Semua orang ta' ambil berat sangat sebab hasil-nya sedikit. Maka sekarang kita telah menganjorkan usaha menternak binatang² dengan banyak dan kita berkehendakkan banyak jagong untuk makanan bagi ayam², kambing, kerbau dan lain. Ini sangat mustahak kerana jikalau kita hendak beli barang² makanan binatang dari luar negeri susah. Itu-lah sebab-nya maka kita adakan kawasan² di-mana ta' boleh tanam padi dua kali sa-tahun kita

boleh tanam jagong yang akan dijadikan makanan bagi binatang² ternakan itu. Tetapi, jenis jagong yang di-katakan kurang berat dan sa-bagai-nya itu ia-lah di-sebabkan jagong itu ta' begitu besar dan oleh kerana itu jenis kachokan dari Amerika telah kita selideki dan di-fikirkan sangat sa-suai. Jikalau kita churma hendak menanam-nya dengan satu ekar saja maka saya fikir ta' dapat-lah hasil-nya yang memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Bentong, saya ucapkan terima kaseh kapada-nya walau pun dia ta' ada di-sini. Ia menyebutkan berkenaan dengan ilmiah tanah (soil scientist) juga ia-itu di-Kampung Janda Baik dan sa-bagai-nya. Berkenaan dengan penuntut sendiri (private student) yang hendak masuk ka-Maktab Pertanian memang ta' chukup tempat, kerana kita utamakan penuntut² daripada Kementerian, daripada Lembaga Penyelidik Getah (RRI) dan sa-bagai-nya dan juga Lembaga Perbangunan Luar Bandar (FLDA). Tetapi pada tahun ini kita tidak ambil sa-orang pun sa-bagai student.

Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Malacca Utara saya sudah jawab. Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat, saya terpe-ranjat, saya tidak suroh Yang Berhormat itu mengucapkan terima kaseh, tetapi ia mengatakan tidak ada apa² pun kebaikan yang di-buat oleh Kementerian saya terhadap kawasan Yang Berhormat itu. Saya tidak bersetuju. Berkenaan dengan udang galah dan berkehendakkan taliayer-nya itu maka pakar daripada Bangsa² Bersatu sekarang sedang menyelidek tentang umor-nya, besar-nya dan sa-bagai-nya. Sekarang ini baharu ber-umor 150 hari. Tujuan kita ia-lah hendak menjadikan udang galah ini perusahaan yang besar sa-kali di-kampung. Ia boleh hidup dalam taliayer kerana ia tidak berkehendakkan semak, dan makanan-nya pun senang. Tetapi bagaimana chara-nya kita hendak mengatasi masa'alah yang di-hadapi sekarang ini ia-itu hendak beri ia hidup dengan baik dan lebih

daripada 150 hari? Udag ini sa-telah berumor 200 hari ia boleh hidup dengan keada'an biasa. Jadi 50 hari sahaja lagi.

Yang Berhormat dari Perlis Utara mengemukakan soal koko. Berkenaan dengan koko ini saya telah terangkan ia-itu perusahaan koko ini sudah ke-tinggalan sekarang ini kerana penyakit "die back". Koko ada-lah pada mula-nya di-tanam sa-bagai perusahaan menggantikan getah kira² 10 tahun dahulu, tetapi oleh kerana di-hinggapi oleh penyakit "die back", semua puchok pokok koko itu layu dengan tidak berfasal. Sa-hingga hari ini belum-lah lagi di-ketahui bagaimana chara-nya hendak membaiki penyakit ini. Sa-bagai dasar-nya sejak 3 tahun dahulu Kementerian sudah membuat keputusan tidak hendak menggalakkan menanam koko. Tentang kemarau panjang di-Perlis itu, yang susah-nya, Tuan Pengerusi, bagi pak² tani kita di-seluruh negeri ia-lah yang pertama-nya walau pun musim turun ka-bendang ada-lah di-tetapkan, tetapi kebanyakan daripada pak² tani ini tidak menurut nasihat daripada Kementerian Per-tanian. Kita suroh turun hari ini, mereka kata biar-lah 2-3 hari lagi. Berlainan dengan nelayan. Nelayan lebih chergas dan lebih chekap, kerana mereka takut gelora, ribut dan sa-bagai-nya. Pak² tani ini bila di-suroh ka-sawah tidak hendak turun, kerana hujan baharu sadikit, kata-nya. Kalau hujan turun sadikit pun dapat juga. Kadang² mereka tunggu ta' turun langsung hingga sudah jadi kemarau. Kalau turun ka-sawah mengikut masa yang di-tentukan tentu sa-kali boleh. Ini-lah yang berlaku di-Selatan Kedah dan juga Perlis. Oleh itu hendak-lah mengambil tauladan dan pengalaman daripada nelayan. Mereka merebut masa; mereka takut ribut; kalau ribut ikan tidak dapat; tetapi pak tani tidak begitu. Tidak ada siapa yang boleh mengatasi kemarau. Itu kuasa Tuhan.

Berhubung dengan kayu jati itu sa-bagai perhubungan permulaan telah maju dengan elok di-kawasan² yang di-tanam di-Utara Malaya. Baka-nya dari negeri² Siam dan Burma. Pada

fikiran saya ini satu perusahaan besar yang boleh di-kembangkan. Tetapi menanam kayu ini ada-lah satu pekerjaan yang lambat hampir² 70 tahun baharu dapat hasil-nya. Ini susah sadikit, tetapi kalau kita sabar, dapat—Insha Allah!

Berkenaan dengan kawasan menanam rumput (grazing reserve) tidak ada seperti yang di-katakan oleh Yang Berhormat dari Perlis Utara. Sekarang ini grazing reserve telah di-ambil oleh Kerajaan Negeri untuk buat sawah dan sa-bagai-nya. Jadi kawasan reserve sudah tidak banyak lagi. Pada fikiran saya kalau hendak menanam rumput ini tanam-lah di-kawasan rumah kita jika ayer chukup. Di-Perlis itu saya lihat ada bunga Changa, tetapi tidak ada tanam rumput silo dalam kawasan rumah-nya.

Yang Berhormat dari Raub membangkitkan tentang baja udang busok atau ikan busok. Sekarang ini hanya 60 peratus sahaja daripada pekebun sayur di-Cameron Highland menerima nasihat daripada Kementerian, yang 40 peratus lagi masih degil tidak hendak menggunakan baja buatan. Bukan mereka degil kerana mereka berhutang dengan saudagar yang mengeluarkan baja itu. Mereka itu takut. Kalau mereka tidak ikut, mereka tidak dapat hutang lagi dan tidak dapat memasarkan sayur-nya. Sekarang ini tindakan sedang di-ambil.

Berkenaan dengan penyakit hati atau penyakit jantung yang dalam bahasa Inggeris di-katakan liver fluke. Penyakit ini di-tempat lain tidak ada, melainkan Pahang, kawasan Yang Berhormat dari Raub yang banyak sa-kali. Apa-kah sebab-nya saya tidak tahu. Yang Berhormat itu menerangkan tadi di-luar elok, dalam tidak elok. Sekarang ini kita asingkan. Kerbau di-kawasan itu kita tidak sa-kali² hantar keluar supaya penyakit itu jangan merebak. Pakar pun belum dapat tahu lagi punca-nya penyakit itu.

Berkenaan dengan Livestock, sa-bagaimana yang telah saya terangkan tadi Cameron Highland telah di-untok-

kan sa-banyak \$60,000 tetapi untuk Raub, dalam tahun 1962 ini ada di-untukkan di-bawah bahagian lain ia-itu untuk perkembangan hidupan².

Yang Berhormat dari Melaka Selatan membangkitkan perkara pajak musim. Sa-kali lagi, Tuan Pengerusi, saya terangkan ia-itu orang yang jadi mangsa pajak musim itu ia-lah orang yang tidak masuk sharikat kerjasama. Jika ia masuk sharikat kerjasama—bantuan ada, tidak payah ia pinjam dengan Taukey. Jadi ini satu perkara yang senang.

Berhubung dengan kemarau yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Krian Darat saya sudah jawab tadi. Dan tentang nelayan Siam yang datang bawa bom itu, bukan sahaja perkara itu berlaku di-sempadan Siam tetapi berlaku juga di-Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Pulau Perhentian, dimana sahaja ada karang yang berhampiran dengan pulau² itu ada-lah orang datang hendak menembak. Karang itu di-bawah, dan ini satu perkara yang susah kita hendak mengatasi, dan pihak polis pun tidak dapat menangkap-nya, kerana ia datang dengan motor-boat yang laju, dan telah beberapa kali pihak Kementerian berhubung dengan pihak polis pun tidak dapat kejar, ia dapat lari. Sa-tahu saya orang² ini bukan sahaja datang dari Siam tetapi dari Singapura pun ada. Kita akan mengadakan kemudahan alat² ini supaya dapat di-gunakan motor² boat yang lebih laju lagi.

Berhubung dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Port Dickson saya sudah jawab.

Question put, and agreed to.

The sum of \$15,426,674 for Head 12 ordered to stand part of the Schedule.

Head 13—

The Minister of Commerce and Industry (Enche' Mohamed Khir Johari): Mr. Speaker, Sir, the expenditure of my Ministry for 1962 is estimated at \$2,035,057. This is

\$1,019,786 less than that for 1961. This big reduction is due to the deletion of one major item in the Estimates, viz., Transitional Grants to subsidise Electricity Supplies to New Villages for which last year a sum of \$1,000,000 was provided. The subvention has been granted annually since 1958 to maintain uneconomic supplies to the New Villages. The amount is partly offset by revenues collected from the supplies. Last year, while the Government provided a subvention of \$1,000,000 in the Ordinary Estimates and an additional \$400,000 in the Supplementary Estimates, the revenue collected was approximately \$1,000,000. Therefore, the subsidy paid by Government was approximately \$400,000 only. For this year the net subsidy is estimated to be approximately \$465,000. This increase is due to the fact that eleven New Villages which were under the control of the Ministry of Internal Security for Emergency purposes have now been transferred to the account of my Ministry. The deletion of this subvention in this year's Estimates does not mean that electricity supplies to New Villages will be cut off. On the contrary, other arrangements have been made in order to keep them going. I mentioned to you last year that the Central Electricity Board was reviewing the economies of these electricity supplies in the context of the National Rural Electrification Scheme. Based on the Report of the C.E.B., a decision will soon be taken with regard to the future of the New Village supplies.

Changes in the Personal Emoluments are rather insignificant. The additional staff required are two stenographers and one clerk for Minister's office, one clerk for the Productivity Centre and one Assistant Tourist Promotion Officer for the Tourist Promotion Section. Against the reduction of one Supernumerary M.C.S. in the Industrial Development Division, there is a net increase of four.

Turning to Other Charges Annually Recurrent, the overall increase is \$21,402. The increase of Sub-head

2—Administration—is due to the fact that expenses in connection with Trade Marks Registry have been incorporated in this Sub-head. The increase of Sub-heads 4 and 11 are consequential upon increased contribution which the Government has to make to the Working Fund of GATT and the International Tin Council. The other item of expenditure for which there is a big increase is Sub-head 13—Trade Fairs and Exhibitions. \$20,000 has been found to be insufficient to meet the anticipated expenditure.

On Special Expenditure, I would like to invite the attention of Honourable Members to Sub-head 18—Expenses and Fees of Development Advisers—and Sub-head 22—Contributions to the United Nations Special Fund for local operating costs. The provision of \$23,000 under Sub-head 18 is to meet the expenses of experts, as stated last year, to advise on tourism, industrial productivity and industrial development. Experts on tourism and industrial productivity have arrived and it is expected that another expert to advise on industrial development will be arriving early this year.

The provision of \$43,000 under Sub-head 22 is for payment to the United Nations Special Fund as our Government's contribution in respect of local operating costs. The U.N. Special Fund is contributing about \$1.3 million over a period of five years. Thank you.

Enche' Lim Kian Siew (Dato' Kramat): Mr. Speaker, Sir, I rise to speak on Head 13 with special regard to Sub-head 1, Export Commodities Division, page 63; Sub-head 1, Government Rubber Replanting Scheme, page 64; Sub-head 1, Industrial Development Division; Sub-head 1, Productivity Centre; and also on page 67, under Other Charges Annually Recurrent, regarding Sub-head 11, International Tin Council; and finally on page 68, Sub-head 23, Drafting Committee on the Establishment of a Rubber Exchange in the Federation.

Mr. Speaker, Sir, here I will, as you will notice, deal mostly with the Sub-heads of various Divisions, and if I am considered irrelevant in discussing these matters, then I would propose that I will deal with Sub-head 1 on page 63 dealing with the Minister of Commerce and Industry and propose that his emoluments be reduced to the nominal figure of \$10 per year. The reason why I have to say this is.....

Mr. Speaker: Under the Standing Orders, if you want to move any amendments to any Sub-head or item in the Estimates, notice of those amendments must be given to Mr. Speaker two days before they are to be moved in the House.

Enche' Lim Kean Siew: I am not proposing any amendment; I was only trying to make a suggestion. (*Laughter*). Mr. Speaker, Sir, it is very unfortunate that there is nothing in this Budget to provide for the proper control of production and sale of our rubber. We have here a Controller for the Export Commodities Division, a Controller for the Industrial Development Division and a Director of the Productivity Centre; we have the International Tin Council and we have a Drafting Committee on the Establishment of a Rubber Exchange in the Federation. Nowhere, Sir.....

Enche' Mohamed Khir Johari: On a point of information. No money is being asked for expenses in connection with the Drafting Committee for this year.

Mr. Speaker: I think if the Honourable Member had taken that point at the time when we were discussing the general principle of the policy, he would be quite in order. But here we are in the Committee stage where we are discussing only the policy of the service for which the money is provided in the Estimates. Had you taken up that point at the time when we were discussing the general principle of the policy, which had been debated in this House for three days, it would have been quite in order.

Enche' Lim Kean Siew: Mr. Speaker, Sir, shall I say that I regret that in the money provided for the Export Commodities Division, the Productivity Centre and the Industrial Development Division there is no provision made for the control of sales and production of rubber which is essential to our economy. Mr. Speaker, Sir, we hope that the Directors of the Productivity Centre, the Industrial Development Division, the Export Commodities Division, and the Rubber Replanting Division will be directed to form a Committee to go into the question of the future of our rubber since we are now being threatened by the production of synthetic rubber, namely polyisoprene. Yesterday or the day before yesterday I was rather amused to find in our newspapers headlines that the British and American Governments have at last decided to limit the sales of their stockpiles should the price go below a certain level. Mr. Speaker, Sir, that is not the threat to our rubber production; that is not the danger which our rubber production is faced with. The Ministry of Commerce and Industry should be aware of the fact that the real threat is the fact that once a synthetic rubber factory is set up the rubber factory must continuously produce and must go on producing in order to survive. We know that Russia has in fact contracted with Dupont of America to set up a synthetic rubber plant in Russia and we know that she has also made a contract with Dunlop of England to set up a tyre plant also in Russia to absorb this synthetic rubber production. I do think, Sir, that there is a genuine fear that natural rubber will be pushed out of the markets of the world unless we meet this threat of synthetic manufacture intelligently by forestalling the setting up of synthetic rubber plants with a realistic and regular sale of natural rubber that is free from the speculative trend of the Stock Exchange.

Considering the rising standard of living in India and in China, the rubber market itself is bound to expand throughout the years. Our greatest

danger is this: we have not yet set up under the Ministry of Commerce and Industry a special Division to deal with other ways and means whereby our rubber will be purchased through the proper channels outside of the control of the Rubber Stock Exchange. Mr. Speaker, Sir, we all know that there has been for a long time the need for the establishment of an International Rubber Council, and in spite of that, we do not notice in the Budget any item regarding this expenditure. Mr. Speaker, Sir, today we are faced with quite a great threat from synthetic rubber and it is unfortunate that in the general debate this matter has not been brought up and that I am rather limited in discussing this problem.

Mr. Speaker: You can appeal that you want this to be set up. That I can allow you.

Enche' Lim Kean Siew: Yes, thank you. (*Laughter*). So, Sir, I hope that the Honourable the Minister of Commerce and Industry will immediately take steps to set up a Committee which will allow for direct barter with other countries, such as China, in order to prevent these other countries from setting up their own synthetic plants. The reason why I understand these countries like to set up synthetic plants is because they themselves do not want to be under the control of the international gambling market of rubber; and there is only one way we can do this and that is, as the Honourable Member for Tanjong has suggested, to set up a board for barter whereby we can guarantee consumer countries over a period of years a certain amount of rubber. Unless we can do so, those countries in planning for their own expansion programme, must make certain of their own supplies and once they set up these factories they are bound to consider that they must continue those factories by allowing the continuity of production.

Mr. Speaker, Sir, there is only one last point. The threat to our rubber is not only from synthetic—that is why we must set up an International Rubber

Council. The threat to our natural rubber comes also from the new areas and we do not know how many hundreds of thousands of acres are already being set up in the territories in West Africa. We know, for example, that several rubber companies which have sold out in Malaya have started new rubber plantations in West Africa. In a few years these rubber trees are going to produce rubber and in a few years these rubber trees are going to compete with our rubber. Now, under the rural development programme set up under the Ministry of our Deputy Prime Minister thousands of families are going to grow rubber, or are still growing rubber. We do not know whether economically these smallholders can compete with the big holdings of West African rubber plantations. We must set up under the Headquarters of the Productivity Centre and the Rubber Replanting Scheme, an organisation which will go into the question of the increase and the price of world production in rubber and also the increase and the price of production of our own rubber, in order to know whether or not the rubber replanting schemes and the rural holdings can in future compete with the fast growing producing centres of the world. Unless we do that, the whole basis of the rural development programme is going to collapse in five years: the whole basis of all the hopes of the people, who are going into these rural development schemes, will be smashed. They will be faced with a crop that is going to be uneconomic and with a produce that will not be absorbed and which will be under the control of the speculation market in the world.

Mr. Speaker, Sir, I hope that the Honourable Minister of Commerce and Industry will consider my suggestion very seriously and set up immediately this organ for the investigation, for examination, and for the interchange of ideas, both internally and externally, and to ask through the World organisation that an International Rubber Council be set up in order to guarantee the prosperity of Malaya.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, dalam Head 13 ini ia-itu berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, saya suka-lah menarek perhatian kepada Menteri Yang Berhormat atas masa'alah usaha bagi kemajuan ekonomi orang² Melayu yang telah pun di-kemukakan oleh Yang Berhormat itu dalam sa-tahun yang sudah yang bertugas hendak membela nasib bagi peniaga² orang Melayu. Saya tidak-lah hendak membuat sa-barang tuduhan dalam mengemukakan pendapat saya ini, tetapi saya ingin Yang Berhormat Menteri itu dapat memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, apa-kah kerja yang telah di-buat oleh Setia-Usaha ini kerana perniagaan orang² Melayu yang telah menjadi tugas-nya seperti yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu pada masa yang telah lalu. Sa-imbang dengan perkembangan negara sekarang ini maka bagi mencapai taraf hidup ra'ayat yang lebih baik pada masa akan datang maka Kementerian ini ada mempunyai tugas² yang tertentu terhadap pembangunan perekonomian orang² Melayu. Satu mithal yang telah pun dahulu saya kemukakan dalam Dewan ini ia-itu di-Kuala Lumpur ini atau di-mana² juga bandar yang besar² di-Persekutuan Tanah Melayu sudah-lah sampai sa'at-nya supaya orang² Melayu yang tertinggal dalam perekonomian dan perniagaan-nya itu dapat di-berikan peluang besar²an supaya mereka itu dapat pula berlumba² dengan peniaga² yang telah maju.

Di-Kuala Lumpur ini, Tuan Pengerusi, kita ada mempunyai satu pekan orang² Melayu atau Malay Bazaar yang telah di-dirikan dalam tahun 1947 yang di-buka oleh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan telah di-beri jaminan kepada mereka itu bahawa mereka akan di-beri galakan dan jaminan—tempat bagi peniaga² yang ada di-Malay Bazaar itu, tetapi sampai sekarang ini apa yang saya dapat tahu daripada rundingan mereka itu mereka tidak pun mendapat jaminan daripada Kementerian ini bahawa kedudukan

mereka itu terjamin pada masa akan datang, dan permohonan² telah pun di-kemukakan oleh peniaga² yang ada di-Malay Bazaar supaya mereka di-beri tempat yang kekal atau tempat yang tetap. Konon khabar-nya tempat yang ada sekarang ini akan di-jadikan satu bazaar yang lebih besar yang dinamakan Biaza atau Plaza tetapi apa yang di-sebutkan oleh orang² itu, bazaar besar akan di-dirikan. Kalau sa-kira-nya usaha peniaga orang² Melayu ini dapat di-beri tenaga² yang bersungguh² dan tempat yang lebar dan panjang 120 kaki itu di-beri benar² kepada orang² Melayu itu, saya per-chaya mereka boleh hidup bertahun² dan dapat bertanding dengan peniaga² yang lain.

Sa-lain daripada rungutan² mereka sekarang ini yang duduk dalam bazaar itu supaya dapat di-baiki maka saya ingin menarek perhatian Menteri Yang Berhormat berkenaan dengan tourist atau pelanchong yang datang ka-Tanah Melayu ini yang juga di-bawah tugas Kementerian ini. Apa yang kita tengok pelanchong² yang datang dari luar negeri ka-Tanah Melayu ini ada masa²-nya kita di-Tanah Melayu ini telah menyediakan beberapa orang atau berpuluh² gadis yang chantek² daripada berbagai² bangsa supaya menunggu kapal² terbang yang membawa pelanchong² itu ka-Tanah Melayu ini. Pada pendapat saya tujuan menyediakan gadis² atau wanita² itu ka-padang kapal terbang dan supaya mereka menari menyambut kedatangan-nya ia-lah supaya tertarik hati mereka itu datang ka-Tanah Melayu ini. Pada pendapat saya amalan yang di-buat chara menerima pelanchong² seperti itu yang pertama-nya ia-lah bukan dasar orang² timur, maka itu berlawanan dengan adat-istiadat kita sendiri. Sebab itu pada pendapat saya pelanchong yang datang ka-Tanah Melayu ini bukan-lah ia tertarik dengan wanita² yang chantek dengan lenggang-lenggok yang bergemalai dihadapan mereka itu tetapi ia-lah dengan pembangunan² negara dengan bijih timah-nya, dengan kelapa-nya dan perusahaan² yang lain supaya tertarik mereka itu datang ka-Tanah

Melayu dan memberi keuntungan kepada kita, tetapi kalau sa-kira-nya kita menggalakkan benar² kepada mereka yang datang ka-negeri kita—kita terima orang² itu dengan tarian saperti yang telah di-buat itu, maka saya rasa akan merosakkan moral atau sosila hidup orang² kita. Maka saya berharap kepada Menteri Yang Berhormat ini supaya dapat menjaga moral atau sosila orang² di-negeri ini supaya mereka yang datang dari luar negeri itu tidak tertarek dengan kechanteakan wanita semata² tetapi kepada pembangunan negara kita.

Saya pergi kepada penanaman sa-mula. Pada tahun yang lalu telah juga saya kemukakan di-sini supaya Kementerian ini dapat berikhtiar mengadakan penerangan² yang luas pada ra'ayat. Pada satu masa pada bulan yang akhir² ini sampai bulan sa-belas ini, saya telah bersama pergi dengan Pegawai Menanam Getah Sa-mula ka-kampung² menerangkan betapa besar-nya fa'edah tentang menebang getah² tua. Saya dapati dalam kawasan saya Tanah Merah banyak sambutan yang meriah dan menyukakan hati kita ia-itu ra'ayat telah pun menerima dan menebang pokok² getah mereka yang telah tua². Mereka telah menerima ranchangan ini dan menebang pokok² getah tua. Saya rasa kalau sa-kira-nya pada sa-tahun sa-kali kita adakan penerangan yang saperti itu maka saya berpendapat tidak-lah bagitu berkesan kepada orang² kampung, tetapi kalau sa-kira-nya sa-tiap masa tiga bulan sa-kali mithal-nya kita mengadakan penerangan yang sa-luas²-nya kepada orang² kampung menerangkan fa'edah² menanam getah sa-mula dan bahaya-nya mengekalkan pokok² getah tua sa-hingga termakan di-hati-nya tentang penanaman sa-mula itu, maka saya rasa orang² kampung tidak segan², tidak takut² di-atas penanaman sa-mula ini.

Apa yang saya dengar daripada rungutan orang kampung bukan-lah mereka itu tidak hendak menebang pokok² getah tua-nya untuk di-tanam sa-mula, tetapi oleh kerana bantuan yang akan dapat daripada penanaman

sa-mula itu sulit dan payah. Pegawai² yang bekerja dalam pejabat ini sa-lama-nya menchari kesalahan² orang, yang kalau ada sadikit sahaja lalang mithal-nya, maka bantuan itu di-tahan. Orang kampung yang menebang pokok getah-nya itu, yang sa-bahagian daripadanya ada 5 ekar, tidak lebih daripada itu kebun mereka, di-tebang 2 ekar dan tinggal 3 ekar yang sudah tua yang tinggal tulang kering—yang hendak di-potong, di-situ anak hendak sekolah, di-situ makan, di-situ pakaian, di-situ membaiki rumah bochor dan minyak kelapa di-situ semua sa-kali. Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya memberi bantuan kepada orang yang menebang getah-nya itu dan menanam sa-mula ini terlalu di-ketatkan, maka orang itu nanti akan susah juga menerima ranchangan menanam sa-mula ini. Maka saya harap kepada Menteri Yang Berhormat supaya memudahkan sadikit kerja dan memudahkan syarat² kepada orang hendak menebang pokok getah-nya dan menanam sa-mula supaya dasar hendak menanam sa-mula ini dapat di-terima oleh ra'ayat serta di-terima oleh orang yang sekarang ini hidup-nya terlalu sempit di-sebabkan getah-nya telah tua.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak bercheloteh banyak di-sini tentang perkara ini, hanya itu-lah 3 perkara sahaja yang saya kemukakan kepada Menteri Yang Berhormat supaya mengambil perhatian yang berat atas masa'alah yang saya kemukakan tadi, dan memberi jawapan yang memuaskan, terima kaseh.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap di-atas Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Tuan Pengerusi, sa-lepas Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan membuat satu laporan yang tegas dan nyata dalam Dewan ini pada tahun yang lalu berkenaan dengan hendak membantu orang Melayu dalam hal-ehwal perniagaan, maka sambutan daripada orang Melayu sangat-lah hangat. Di-mana ada sahaja tanah

lapang di-tepi jalan dan kalau ada busut sedikit di-ratakan untuk buat kedai perniagaan. Tuan Pengerusi, selalu-nya apa² penerangan daripada Menteri² Perikatan dapat sambutan yang hangat. Berkenaan dengan hendak menolong orang Melayu dalam perniagaan, Tuan Pengerusi, hendak-nya jangan-lah menolong orang Melayu seperti ranchangan yang sudah², terutama sa-kali masa penjajahan ia-itu "Hangat² Tahi Ayam". Tuan Pengerusi, saya berpendapat penyakit berkenaan dengan perniagaan orang Melayu ini dan masa'alah-nya ia-lah di-kampung. Jadi apa² perkara yang di-buat mestilah mula dari kampung. Dengan sa-chara tidak rasmi, Tuan Pengerusi, saya dapati Yang Berhormat Menteri telah pun dapat mengumpulkan wang hampir² \$2 juta dalam tahun yang lalu. Sunggoh pun ikhtiar kita telah jalankan untuk membaiki ekonomi orang Melayu, saya rasa kalau kita tidak membaiki soal ini di-kampung² dahulu, ranchangan itu tidak akan memberi fa'edah yang besar, kerana barang² datang daripada kampung, dan penyakit-nya di-kampung.

Saya mengeshorkan, Tuan Pengerusi, supaya usaha hendak membaiki perekonomian orang Melayu yang di-bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini di-serahkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya berpendapat dengan char ini masa'alah ini akan di-hadapi dengan lebeh tegas dan nyata lagi.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap tentang tugas Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Saya menchadangkan dua tiga perkara untuk mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Tugas yang besar yang telah di-janjikan oleh Menteri pada Messhuarat Belanjawan yang lalu ia-lah menetapkan beberapa ranchangan untuk memberi peluang kepada orang Melayu mengambil bahagian yang chergas dalam segala bahagian perniagaan. Di-sini saya memandang dua bahagian yang sangat mustahak, yang mana orang Melayu boleh di-katakan jauh

ketinggalan ia-itu impot, expot dan pemborongan. Jadi dasar ini kita telah lulus dan kita telah tetapkan dahulu. Saya menchadangkan oleh sebab perniagaan ini ada-lah satu perlumbaan atau pun perlawanan, maka bagi orang Melayu hendak berlumba atau berlawan dengan mereka yang telah kekal dan lama serta banyak pengalaman tentu-lah tidak terdaya, kechuali mereka itu di-bangunkan daripada tidor oleh Kerajaan. Maka dalam hal ini saya memerhatikan yang boleh membangun dan menegakkan orang Melayu masuk dalam bahagian ini ia-lah dengan tegas segala perniagaan mengeluarkan barang dalam negeri dan luar negeri hendak-lah di-kotakan (quota) atau di-khaskan. Jadi dalam hal ini saya menchadangkan sa-bagai permulaan di-khaskan 25 peratus daripada segala impot dan expot kapada orang Melayu. Apabila sampai masa-nya orang Melayu boleh menandingi bangsa asing yang telah lama berpengalaman tidak payah quota ini di-adakan lagi.

Yang kedua dalam perkara pemborongan. Saya minta dalam perkara pemborongan ini kita quotakan juga ia-itu segala konterek kurang daripada \$50,000 maka kita khaskan 50 peratus kapada konterekter orang Melayu, dan segala konterek yang lebeh daripada \$50,000 kita ambil 25 peratus. Dan dari masa ka-masa boleh-lah mereka belajar dan sa-bagai-nya dan bersaing dengan bangsa asing kemudian baharu-lah di-longgarkan segala peruntokan itu. Saya harap sahabat saya daripada bangsa asing jangan-lah memikirkan permintaan saya ini keterlaluan. Kerana sa-bagaimana yang di-uchapkan oleh Yang Berhormat dari Seremban Timor pada satu masa merungut peruntokan bangsa mereka itu tidak dapat sa-embang dalam pembangunan luar bandar. Saya rasa perkara ini sangat mustahak, kerana kalau sa-kira-nya tidak dapat di-atasi kesulitan ini saya tidak nampak orang Melayu boleh mengambil bahagian dan mempertunjukkan kapada orang luar yang mereka ada bank-nya sendiri dan mereka ada bangunan² yang besar dalam ibu kota

dan perniagaan yang besar. Jadi nama sahaja negeri ini Melayu, tetapi orang Melayu tidak boleh menunjukkan perniagaan dan sa-bagai-nya yang boleh mereka banggakan dalam negeri-nya sendiri.

Saya harap perkara ini dapat di-timbangkan dan dapat di-jalankan, dan saya perchaya orang² Melayu menyambut dengan segala kegembiraan dan menerima kaseh kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd.

Ali (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap sedikit di-dalam perkara Kementerian ini yang pertama sa-kali berkenaan dengan Sub-head 1 ia-itu Government Rubber Replanting Scheme. Tuan Yang di-Pertua, selalu saya berchakap berkenaan dengan hal getah tetapi saya santiasa tidak dapat memuaskan hati berkenaan dengan kemajuan yang di-usahakan oleh Rubber Replanting Board ini baik pun di-dalam Government Rubber Replanting Scheme. Saya tahu dua tiga tahun yang lalu masa saya dudok dalam Jawatan-Kuasa, Board itu telah mengeluarkan lebeh \$30 million untok di-bagikan kapada pekebun² kechil dengan 6 ekar pada sa-orang dan bantuan \$400 sa-ekar di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi hingga hari ini kita belum-lah mendapat report yang sempurna berkenaan dengan kemajuan² yang di-datangkan daripada Board ini kapada Dewan ini. Saya fikir wang ini ada-lah datang-nya daripada hasil getah. Jadi, kita selalu di-tegor oleh ra'ayat kerana tidak menunjukkan kemajuan yang tegas dan wang telah pun di-keluarkan bagi kemajuan ra'ayat tetapi wakil² ra'ayat hingga hari ini belum dapat tahu lagi di-mana-kah dudok-nya wang dan apa-kah jadi kapada wang itu. Berapa banyak tanah yang telah di-buka untok di-bagikan kapada pekebun² kechil dan apa-kah kemajuan yang telah di-dapati.

Berkenaan dengan Chairman ini pula, pada masa saya berchakap di-masa Anggaran Perbelanjaan tahun yang lepas, saya telah menegor

kedudukan gaji Chairman ini daripada Chairman ini di-pegang oleh bangsa kulit puteh ia-itu expatriate officer hingga hari ini saya tidak nampak berubah. Berkenaan dengan Deputy Chairman, Deputy Chairman ini sa-tahu saya ia-lah sa-orang orang kita yang ada mempunyai degree dan gaji-nya \$1,750. Saya dapat tahu dia ia-lah sa-olah² dudok dalam pejabat sa-bagai kerani sahaja tidak dapat menjalankan tugas-nya sendiri. Saya tidak nampak yang dia itu ta' boleh keluar bagi memereksa dan menasehatkan orang ramai terutama sa-kali pekebun² kechil berkenaan dengan kebajikan bagi bertanam getah samula-atau lain²-nya. Pada hal Deputy ini dahulu-nya datang daripada Agriculture Department atau pun dari Rubber Replanting. Dia telah lulus di-College itu kemudian di-hantar keluar negeri untok mempelajari Rubber Replanting dan mendapat degree pula. Bukan-kah orang yang sa-umpama ini kita dapat menggunakan pengetahuan-nya di-luar daripada pejabat bagi kemajuan perusahaan getah. Oleh itu saya harapkan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan akan menyiasat hal ini dan chuba mengatorkan dengan sa-benar-nya berkenaan dengan perubahan² yang saya kehendaki itu.

Kemudian di-muka 67 Sub-head 15 Treasurers' Fees (Rubber Replanting Scheme) Expenses of Trade Marks Registry, juga Sub-head 7 Contribution to Fund "B" for Administration Expenses (Government Replanting Schemes for Smallholders). Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap panjang berkenaan dengan Fund "B" ini tetapi di-sini ada penerangan ia-itu Administration; bukan saya hendak chakap atas wang perbelanjaan-nya yang di-untokkan bagi Administration ini tetapi saya menyentoh bahagian Administration atau pentadbiran-nya. Di-belanjawan tahun 1961 saya telah minta Yang Berhormat Menteri supaya memelayankan pejabat Bertanam Getah Samula ini. Sekarang ini saya ucapkan sa-tinggi² terima kaseh serta mengucapkan tahniah atas kebajiksanaan Kementerian ini kerana Pejabat atau pun Board ini sudah di-melayan-

kan saperti ketua-nya terdiri dari orang kita ia-itu ra'ayat negeri ini. Sunggoh pun bagitu saya berdukachita kerana sa-orang ketua yang dahulu-nya sa-orang expatriate tetapi dia sekarang maseh di-jadikan adviser. Tidak pernah Fund "B" dalam perkara Administration-nya tidak ada expatriate maka sekarang bila di-angkat bangsa kita—bangsa Malayan—maka dia di-jadikan executive officer. Ia tidak di-buang terus tetapi di-jadikan penasehat pula. Executive officer atau acting executive officer yang ada pada hari ini ada-lah Deputy yang sudah memegang jawatan di-bawah dia barangkali dekat 5 tahun. Ini satu perkara.....

Mr. Speaker: Time is up. The meeting is suspended to 4.30 p.m.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1962

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker in the Chair)

Debate resumed on Question:

That the sum of \$2,035,057 for Head 13 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd.

Ali (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung balek ucapan saya tengah hari tadi dan saya terpaksa-lah berchakap sa-mula kerana saya telah lupa di-mana saya berhenti. Saya hendak menyambung balek berkenaan dengan Penasihat atau Adviser yang telah di-persetujukan oleh Menteri kepada orang yang telah di-keluarkan daripada pertubohan itu, ia-itu Pertubohan Menanam Getah Sa-mula. Saya tahu jika sa-kira-nya ia ini telah menchuba membantutkan hal menanam sa-mula ini kerana dia telah dudok beberapa tahun yang lepas semenjak di-tubuhkan pertubohan ini dan sekarang kita maseh lagi menggunakan dia tentu-lah

ada kepentingan untuk menasihatkan kapada pegawai-nya memegang jawatan expatriate itu. Kita terpaksa menerima walau pun nasihat-nya tidak baik. Oleh itu saya harap Yang Berhormat Menteri memikirkan pegawai ini kerana perbelanjaan yang di-bayar kapada-nya sa-bagai adviser itu adalah wang ra'ayat.

Saya tidak tahu daripada mana puncha-nya yang dia itu di-ambil balek menjadi Penasihat. Barangkali Menteri sendiri selalu keluar negeri dan dia telah terlepas daripada pengetahuan-nya. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan administration ini maka kami semua dalam Board Administrative Fund ini banyak-lah ranchangan² menanam getah kami buat, terutama sa-kali kami buatkan bagi mengeluarkan 30 million kerana memberi bantuan \$400 sa-ekar kapada pekebun² kechil sa-luas 6 ekar sa-orang. Kemudian saya sudah sentoh satu ranchangan lagi berkenaan dengan mengeluarkan sa-kali lagi 20 million kapada pekebun² getah kechil sa-luas 5 ekar. Saya tidak tahu apa yang telah jadi kerana masa kami di-dalam pertubohan itu kami telah bersetuju atas dasar-nya memulangkan wang ini kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar kerana kami dapati Replanting Board susah akan mendapat tanah untuk pekebun² kechil itu. Jadi yang sa-benar-nya mendapat tanah ia-lah Menteri Pembangunan Luar Bandar. Di-dalam ranchangan fringe alienation atau ranchangan tanah pinggir ia-lah meluaskan perusahaan² kampung, jadi termasuk-lah pekebun² kechil getah. Di-situ tentu-lah dia boleh menggunakan wang itu bagi bantuan pekebun² kechil. Kemudian sa-lepas itu kami semua telah membuat draft Undang² Yang Ketiga Pekebun² Kechil daripada Replanting Board yang ini juga di-namakan Scheme No. 3, ia-itu membenarkan pekebun² kechil yang ada tanah 5 ekar ka-bawah menanam sa-mula, kalau mereka itu tidak daya upaya menanam sa-mula di-bolehdan mereka itu mengambil tanah baharu. Tetapi sampai hari ini saya belum lagi mendapat tahu ada-kah Undang² Scheme No. 3

itu berjalan dengan sempurna-nya. Dan apa sebab-nya tidak boleh berjalan. Kalau sa-kira-nya di-sebabkan oleh Kerajaan Negeri itu tidak boleh memberi tanah kepada Replanting Board maka patut-lah Replanting Board itu berunding pula dengan Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya boleh mendapatkan tanah dan Replanting Board boleh-lah membayarkan wang untuk pekebun² kecil. Ini semua-nya saya tidak tahu sa-lama saya meninggalkan Board itu. Sunggoh pun masa kami semua dahulu di-tudoh tidak bekerja dengan chergas sa-bagai Ahli Board, tetapi banyak-lah perkara² kemajuan bagi pekebun kecil yang kami telah terangkan. Malangnya pada masa itu tidak dapat di-jayakan tinggal-lah kepada mereka² yang mengambil bahagian itu, tetapi hingga hari ini belum ada nampak satu jasa atau satu kerja yang di-buat oleh mereka itu untuk menjayakan Scheme No. 3 itu. Pada hal ini ada-lah satu Scheme yang amat mustahak kepada pekebun² kecil yang miskin yang menoreh getah kerana menchari makan hari². Jika sa-kira-nya Scheme itu berjalan ada harapan kepada mereka itu mendapat tanah baharu dengan perchuma.

Satu perkara lagi berkenaan pekerjaan itu, dalam meshuarat Budget dahulu saya ada berchakap meminta kepada Kerajaan memberi bantuan yang lebih kepada pekebun² itu dari \$700 hingga \$800 satu ekar. Nampak-nya Kerajaan bertimbang rasa dan telah menubuhkan satu Jawatan-kuasa untuk menchari jalan bagaimana hendak memberi \$800 kepada pekebun² kecil itu. Saya duduk dalam Jawatan-kuasa itu ada sa-bulan lamanya, lepas itu saya juga di-tolak keluar, kemudian di-gantikan dengan orang lain. Nampak-nya hingga hari ini tidak ada satu report. Jadi sekarang ini tempoh bertanam sa-mula atau permintaan menanam sa-mula bagi tahun 1962 itu di-mulai dalam bulan 10, 11, 12 dan hingga bulan January. Maka kebanyakan pekebun² kecil sekarang ini ternanti² kerana mereka itu hendak nanti \$800. Jadi, permintaan terlampau lambat dan tidak hendak di-

keluarkan sa-lagi belum lagi keluar siaran mengatakan dalam tahun 1962 atau pun bila-kah Kerajaan akan membayar kepada pekebun² kecil itu \$800 sa-ekar, mereka itu ternanti². Jadi ini satu perkara yang membantutkan. Sa-patut-nya dalam tahun 1961 dahulu perkara ini telah di-keluarkan dan di-hebahkan kepada ra'ayat ia-itu dalam tahun 1962 mereka itu akan mendapat bantuan lebih daripada enam ratus ringgit ia-itu lapan ratus ringgit pada mereka yang kurang daripada lima ekar dan 750 ringgit kepada mereka yang lebih daripada enam ekar ka-atas. Maka chuma pada masa saya berchakap dalam Rumah yang berbahagia ini orang ramai tahu barangkali sa-masa Menteri memberi jawapan dengan di-terima pada dasar atau sa-umpama itu, orang ramai ternanti² akan bantuan itu. Maka permintaan tahun 1961-62 barangkali harus kurang kerana masing² menanti²kan untuk bayaran yang lebih. Jadi saya harap pada Menteri Yang Berhormat itu chuba-lah menyiasat apa yang telah jadi pada Jawatan-kuasa yang meranchangkan wang lapan ratus ringgit pada satu ekar itu.

Sekarang saya pergi kepada Head 13 ini juga ia-itu Sub-head 10—Inspection Fees (Rubber Replanting Schemes). Ini saya ta' mengerti kerana tiap² tahun ada ini. Saya nampak ta' ada satu jasa yang memberi fa'edah, kerana berkenaan dengan Replanting Scheme ini kita ada Government Replanting Scheme dan juga kita ada State Supervisor, berapa banyak Kerajaan Negeri sudah bagi dan berkenaan dengan Fund "B" ini kita ada State Replanting Officer dan beberapa banyak lagi orang² bawah-nya. Tetapi nampak-nya kita ada di-sini perbelanjaan special nampak-nya dalam Item 10 ini—Inspection Fees (Rubber Replanting Schemes). Sunggoh pun belanja-nya macham² berkenaan dengan hal memajukan getah, tetapi nampak-nya kemajuan getah ini belum dapat kita sempurnakan lagi dan ra'ayat tidak begitu mengambil berat sa-umpama ucapan sahabat saya di-sabelah sana tadi mengatakan kekurangan propaganda dan macham² lagi.

Saya fikir dengan perbelanjaan yang ta' tentu arah ini lebih baik kita meluaskan propaganda kita berkenaan dengan ini, kerana pada pendapat saya kita maseh utamakan berkenaan dengan tanam getah sa-mula ini. Ini-lah chara kita hendak melawan musuh kita ia-itu synthetic rubber. Kita maseh berhubung rapat dan memberi pengertian yang sempurna kepada ra'ayat seluruh-nya supaya di-satu masa kita bukan sahaja boleh melawan synthetic rubber dengan mengeluarkan getah yang banyak daripada negeri kita, tetapi kita boleh melawan synthetic rubber dengan mengurangkan separoh daripada harga yang ada pada hari ini.

Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam): Tuan Pengerusi, dalam satu daripada meshuarat Dewan Ra'ayat yang lalu, sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat telah mendatangkan satu shor ia-itu patut-lah timbangan daching yang ada pada masa ini di-hapuskan dan di-gantikan dengan skel sa-bagaimana yang di-gunakan oleh negeri² lain. Perkara ini termasuk dalam Trade Division.

Mr. Speaker: Mana, di-bawah item berapa?

Tuan Syed Esa bin Alwee: Saya masuk dalam Trade Division dalam perkara timbang daching. Dari semenjak itu sampai sekarang belum ada apa² pertimbangan. Saya harap perkara itu di-timbangkan supaya daching yang di-gunakan dalam negeri lain itu dapat di-gunakan dalam negeri ini, dan dapat-lah timbangan yang betul pada orang² dalam negeri ini.

Sa-lain daripada itu, harga barang² yang di-jual di-merata² kedai, saya dapati tidak sama mithal-nya gula yang di-jual di-sasuat tempat, berlainan harga-nya, dan begitu juga harga beras. Yang demikian saya harap Kementerian ini mengeluarkan satu perentah kepada semua kedai² supaya ia dapat meletakkan level harga yang tetap kerana menyenangkan orang² kampung dapat membeli dengan harga yang tetap.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya berchapak pada muka 63 Item (1) Minister of Commerce and Industry. Rakan² saya telah banyak menyentoh berkenaan dengan perusahaan dan perniagaan bagi orang² Melayu. Dalam soal ini saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan ia-itu dalam negeri Perlis perusahaan yang besar sa-kali dapat di-ambil bahagian oleh orang² Melayu ia-lah chara mengilang padi ia-itu kilang beras. Pada masa ini ada lebih kurang tiga empat buah kilang kecil yang telah chuba hendak menjalankan perusahaan itu dan saya tahu mereka itu telah pun ada berhubung dengan Menteri yang berkenaan. Oleh kerana itu pada pandangan saya sungguh pun mereka itu nampak-nya bersungguh² hendak menjalankan perusahaan yang tersebut, tetapi ada banyak lagi halangan² oleh kerana mereka itu tidak begitu biasa dalam perkara yang tersebut. Jadi saya tidak-lah meminta supaya dapat-lah kilang itu menjalankan dengan sa-mesti-nya.

Saya berpendapat jika Menteri yang berkenaan dapat memikirkan sama ada patut atau tidak sa-sabuah negeri itu di-letakkan sa-orang penasihat yang sa-mata² memberi nasihat kepada pedagang Melayu tadi. Dan saya rasa dengan jalan yang demikian dapat mengatasi kesulitan yang sedang ditempo oleh orang Melayu yang sedang menjalankan perniagaan mereka itu.

Sekarang saya hendak berchapak tentang Government Rubber Replanting Scheme. Dalam negeri Perlis tentu-lah tidak banyak yang saya hendak chakapkan dalam perkara ini, kerana di-Perlis tidak banyak getah. Tetapi walau pun begitu pada masa sekarang ini apa yang saya nampak atau yang saya dapati banyak daripada orang Melayu, terutama sa-kali orang² yang tinggal dalam kawasan luar bandar yang mana mereka itu berebut mendapat tanah baharu kerana hendak menanam getah, dan Kerajaan Negeri pun telah banyak juga mengeluarkan grant tanah kepada orang Melayu untuk menanam getah. Tuan Pengerusi,

getah sunggoh pun senang kita sebut dan sedap kita dengar naik dan turun-nya, tetapi getah ini ada-lah satu perusahaan yang berkehendakkan wang dan berkehendakkan modal. Jika wang tidak ada dan modal tidak ada maka sudah tentu-lah tanah baharu yang di-beri oleh Kerajaan kepada orang Melayu itu akan jatuh ka-tangan orang lain. Oleh itu, saya menarek perhatian Kementerian yang berkenaan tidak-kah boleh di-masokkan satu ranchangan yang baharu, kata-lah, new replanting untuk menolong orang Melayu yang mempunyai tanah sa-kadar 10 ekar. Jadi saya rasa kalau Menteri yang berkenaan dapat memikirkan chara yang tersebut ra'ayat dalam negeri Perlis akan menguchapkan banyak terima kaseh.

Sekarang saya berpaling kepada Government Supply Depot and Anak Bukit Rice Mill. Di-sini token vote ada \$10. Sa-tahu saya kilang ini ia-lah mengisar beras hingga sampai ka-dalam negeri Perlis ia-itu Arau Rice Mill dan perkara ini dudok di-bawah perniagaan yang tersebut juga. Sa-bagaimana yang telah saya terangkan sa-malam ia-itu Arau Rice Mill ini pada masa yang telah lalu sa-tengah daripada modal-nya telah di-jual oleh Kerajaan kepada sharikat kerjasama, tetapi telah gagal. Memandangkan kepada mustahak-nya orang² dalam negeri Perlis ini mempunyai bahagian dalam kilang yang tersebut, saya suka-lah bertanya kepada Menteri yang berkenaan tidak-kah ada satu ranchangan supaya sa-tengah daripada share kilang itu jualkan kepada orang Melayu. Daripada anjoran Kerajaan itu dapat-lah orang Melayu menerima latehan. Maka dengan chara yang tersebut saya yakin orang Melayu dapat mempelajari sedikit sa-banyak berkenaan dengan perniagaan kilang beras.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr. Chairman, Sir, I would like to speak on Head 13, Items (40) and (53) regarding Industrial Development Division and Productivity Centre. We know, Sir, that the Government has already stated that it wants to start

a pineapple factory in Pekan Nanas. I went to Pekan Nanas very recently and they told me that the Minister of Agriculture went there many times and that the factory would be started very soon. However, I understand that this factory, if it ever starts, will be the responsibility of the Minister of Commerce and Industry. Therefore, I would like the Minister concerned to tell us when the factory is going to be started.

Sir, regarding industrial development and productivity, again, in the past few days many Honourable Members spoke about utilising agricultural products, such as fruits and so on, for canning, and the Minister of Agriculture did rightly pointed out that this is not his concern but the concern of the Minister of Commerce and Industry. Therefore, I would like to take this opportunity to seek the view of the Ministry of Commerce and Industry, because apart from the pineapple canning factory I think the Government can put up other types of canning factories for canning other fruits and other things—and not only fruits but also fish. I know we have a lot of delicious recipes for fish, such as assam fish or sambal fish. These things are quite novel to people abroad. In conjunction with the expansion of the fishing industry, the surplus fish can be canned and prepared for sale abroad. This would help the Fishery Department to expand its work.

Under industrial development, we know that the Government says that it encourages industrial development, but so far we find that of the factories put up quite a number are by foreign capitalists. They are assembling factories but not factories for manufacturing products from the raw material to the finished goods. I would like to suggest to the Minister, that he should impose a time limit whereby there should be a time limit—say, one year or two years since a factory starts—for it to manufacture goods using raw material, and as far as possible local raw material, instead of bringing in semi-finished or almost

finished products from abroad for assembling in factories in Malaya.

Sir, another thing is, I understand, that it is provided under the Industrial Division Section that those companies that are applying for setting up factories in Malaya, the applications would be considered according to the number of factories that the companies have, technical experts to work in the factories, capital and experience and so forth—and we know that certain foreign factories or foreign companies have better experience, better technical advice, and quite often better capital than the local people, who may also want to put up factories. Therefore, when applications are put in by foreign people as well as local people, the choice is very much in favour of the foreign companies. Sir, we would like to see that factories should be started on a sound basis, but we also hope that this would not give rise to too much favour being shown to foreign capital at the expense of local capital. Therefore, I think, it would be a good idea if the Government should insist, whenever a factory is started, that there should be compulsory local capital participation in any company that is putting up a factory in Malaya—say, at least 50 per cent—because in this way we can make use of the experience and technical ability of foreign companies, and at the same time ensure that our own people have a fair share in the enterprise.

Further, there is another thing on which I would like to touch in respect of Head 13. I refer to Item (30)—Rubber Replanting Scheme. As an Honourable Member has pointed out, there is a certain amount of money in the Fund—that is money collected for the Replanting Scheme—and this Fund can be utilised by the Government. However, in view of the fact that rubber replanting or new planting may not be a very good economic project, because of the threat from synthetic, I do urge upon the Government to consider that although such Fund can be used by Government, it should not necessarily be used for

the purpose of planting rubber. It can be used, say, for planting other crops. It need not be tied down to planting rubber.

Now, I come to the last item that I wish to touch on—that is Sub-head 1, Item (1), Minister of Commerce and Industry. I recollect the last time when I brought up the threat of synthetic rubber, the Minister said that the threat was not from synthetic rubber but from synthetic socialists. I think for his error in judgment, the least he can do is to try his best to make up for it. Thank you.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berchakap di-dalam perkara perusahaan dan perdagangan ini pada muka 64 berhubung dengan Government Rubber Replanting Scheme ya'ani Ranchangan Bertanam Getah Sa-mula. Pada tahun yang lalu saya telah mengemukakan berbagai² pendapat dalam Dewan yang mulia ini dan saya berbanyak²-lah menguchapkan terima kaseh bahawa telah nampak kejayaan dan dapat perhatian dari pihak Kerajaan. Pada tahun ini saya akan mengemukakan berbagai² kesulitan dalam masa'alah Ranchangan Bertanam Getah Sa-mula yang sedang di-usahakan oleh ra'ayat dalam negeri ini. Di-antara-nya ia-itu saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji sa-mula atas satu langkah yang dijalankan oleh Kementerian ini ya'ani menggantungkan bantuan menanam getah sa-mula kepada pekebun² kecil yang telah menerima bantuan dua atau tiga kali pada masa yang lalu. Penggantungan ini apa yang telah diberitahu kepada saya bahawa jabatan ini menghendaki supaya tuan punya tanah itu memberikan kepada Pejabat Bertanam Getah Sa-mula satu surat kenyataan yang mengatakan tanah itu dia yang punya, dengan nama lot-nya sa-kali. Pada masa yang lalu Kerajaan telah meluluskan permohonan dan di-berikan bantuan yang berdasarkan kepada kuat kuasa yang di-tetapkan daripada pekebun² kecil ini ia-itu satu receipt bayaran memohon kepada Kerajaan yang tanah di-berikan itu

di-pechah²kan. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kata-nya ta' dapat di-kaji maka akan rosak-lah tujuan asal dan rugi-lah ra'ayat yang telah berusaha menanam getah-nya sendiri dua atau tiga tahun itu.

Saya bersempati langkah yang dibuat oleh Kerajaan selama ini tetapi saya minta dan mengharap-kan supaya Kerajaan menimbang-kan dan memberi satu perjanjian kepada pekebun² kecil ini dengan membuat satu agreement atau perjanjian bahwa sa-telah tanah itu di-pechah²kan dia akan mendapat grant baharu dan tanah itu di-pulangkan kepada dia sendiri. Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu langkah kepada pekebun² kecil itu dapat memberi beberapa kebun yang besar dengan berkongsi beramai² dan mungkin nama² masing² dengan anggaran kurang daripada 10 ekar ada-lah di-punyai oleh orang ramai. Sa-kira-nya langkah ini di-teruskan maka satu kekechiwaan akan berlaku kepada orang Melayu terutama-nya penduduk di-luar bandar.

Dalam perhatian yang kedua saya hendak menarek perhatian kepada Yang Berhormat Menteri ini bahawa dalam masa yang lalu dalam kawasan menanam getah sa-mula ini ada di-sharatkan bagi pekebun² kecil yang ada mempunyai tanah satu ekar ka-atas. Mereka² yang ada mempunyai tanah satu ekar ka-bawah dia tidak dapat bantuan daripada Pejabat ini. Saya mengharap-kan supaya di-timbang-kan sa-mula hal ini. Kalau sa-kira-nya penduduk² yang ada mempunyai tiga suku ekar—mereka sudah ada mempunyai tanah jadi kalau bantuan itu di-berikan mereka boleh menanam getah ini akan menambahkan mata pencharian hidup mereka di-masa hadapan.

Sa-perkara yang telah di-tegaskan dalam hal menanam getah sa-mula, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharap-kan benar kepada pihak Kerajaan supaya memerhatikan benar² ia-itu ada satu kejadian baharu² ini berlaku ia-itu telah di-jalankan satu gerakan menaek² pokok getah yang jauh daripada kawasan tuan punya kebun

itu. Hal ini berlaku dalam kawasan saya dan kejadian ini bukan sahaja merugikan kepada tuan punya kebun tetapi akan merugikan ekonomi Nagara kita.

Sa-lain daripada itu bagi mereka yang telah menanam getah sa-mula ini di-rosakkan oleh gerakan jahat itu ia-itu dengan di-tebang pokok² getah yang baharu di-tanam. Saya meng-harapkan walau pun perkara ini berlaku dalam daerah Muar saya fikir mungkin ia-nya akan berlaku ka-seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini. Dengan ini saya harap-lah kira-nya di-dapati orang melakukan gerakan ini maka orang itu hendak-lah di-bawa ka-Makhamah dan di-hukum dengan sa-berat² hukuman, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit lagi dalam perkara muka 68 ia-itu dalam bahagian penarekan pelanchong dalam negeri ini. Tadi, Yang Berhormat Menteri Perniagaan dan Perusahaan telah berchakap bahawa pakar pelanchong telah ada sampai dalam negeri ini. Saya sangat berbesar hati dengan ada-nya pakar tersebut. Oleh sebab saya memandangkan bahawa satu pegawai yang boleh menarekkan pelawat² dari luar negeri supaya datang ka-Tanah Melayu ini. Gemar saya menarek perhatian dalam soal ini mudah²an apa yang saya chakapkan ini akan menambahkan lagi mutu pelanchong dalam negeri ini dan menambahkan lagi ramai pelawat² masok ka-dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Saya chuma hendak menarek perhatian sebab soal ini saya telah kemukakan dalam Dewan ini ia-itu saya minta Kerajaan supaya menjadikan salah sa-buah kawasan pelanchong dalam Persekutuan ini di-kawasan Gunong Ledang. Dan hal ini telah di-beri jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Perniagaan dan Perusahaan akan menyiasat dalam perkara ini.

Mr. Speaker: Ada apa² di-atas Gunong Ledang itu. (*Ketawa*).

Enche' Ahmad bin Arshad: Hal itu tidak dapat saya chakapkan, baik-nya

Gunong Ledang itu bukan dengan Tuan Puteri-nya itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sebab saya menarek perhatian Dewan Yang Mulia ini kerana Gunong Ledang itu semenjak Malaya merdeka ada-lah di-lawati oleh manusia hingga sekarang. Tidak ada Jawatan-kuasa Sementara yang hendak mengira berapa ramai pelawat² yang naik di-atas Gunong Ledang itu. Tetapi angka kasar sahaja tidak kurang dari satu ribu orang. Kadang² orang² luar bertalipon dengan saya hendak melawat ka-Gunong Ledang itu, saya jadi sa-olah² salah sa-orang Jawatan-kuasa Pelanchong pula. Orang yang datang itu bukan sahaja orang Melayu tetapi juga termasuk bangsa² asing. Perhatian sa-lepas kawasan puteh. Di-antara yang melawat Gunong Ledang itu saya dapat tahu ia-lah Yang Terutama Tuan Governor Melaka di-ringi oleh Ketua Menteri Enche' Ghaffar bin Baba. Saya nampak bahawa kenapa orang ramai suka sangat pergi ka-Gunong Ledang itu ada mempunyai 4 perkara. Pertama hendak mengambil angin sehat, kedua hendak menengok tempat yang bersejarah, ketiga hendak melepaskan nazar dan keempat beranggan² hendak berjumpa dengan Puteri Gunong Ledang. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, di-antara daya penarek itu, ini bukan-lah donging. Yang menjadi penarek kepada pelawat² di-atas Gunong Ledang itu saya sendiri telah menyaksikan, pertama-nya ia-lah batang tonggak yang kedua telaga yang tidak boleh kering, telaga itu dudok-nya di-tengah² Gunong Ledang, boleh minum berapa ramai pun, yang ketiga ada satu bukit berapit dan keempat di-atas Gunong Ledang itu ada juga Gunong Mahaligai nama-nya. Sa-lain daripada itu di-atas Gunong Ledang itu ada berbagai² bunga orchid yang tidak ada di-bawah ini. Bila di-bawa ka-bawah orchid itu tidak boleh hidup. Yang kelima ada satu telaga yang menjadi ganjil ayer-nya bukan datang dari bawah, tetapi ayer-nya datang dari atas. (*Ketawa*). Ayer ini menitek dari lubang batu (*Ketawa*) ka-dalam telaga yang sa-besar gantang daripada hujung batu itu. Ayer ini menjadi

bekalan siapa juga yang naik ka-Gunong Ledang itu berpuluh² orang minum tidak juga kering. Ini satu daya penarek yang ada di-atas gunong itu.

Sa-lain daripada itu ada satu perkara yang mendatangkan penarek kepada pelawat² bukan sahaja kepada bangsa Melayu bahkan juga bangsa² asing ia-itu waktu malam hari mereka boleh nampak api di-bandar Maharani Muar. Siang hari pula mereka boleh nampak pula Pulau Undan dan boleh nampak Pulau² di-Sumatera daripada atas gunong itu. Baharu² ini pula saya mendapat tahu satu rombongan naik ka-atas Gunong Ledang itu oleh sebab tidak ada orang yang menjaga orang itu telah sesat. Ini boleh mendatangkan bahaya juga. Dalam tahun yang lalu sa-orang bangsa asing waktu mereka mendaki Gunong Ledang itu tergelinchir jatuh ka-bawah membawa maut. Perkara yang sa-macam ini oleh sebab tempat itu sudah menjadi satu penarekan kepada ra'ayat saya harap-lah kepada Yang Berhormat itu mengambil perhatian yang berat.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad:

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lalu pokok penarekan dan perhatian dalam Kementerian ini ia-lah ada-nya sa-buah Pejabat Setia-Usaha bagi memajukan ekonomi dalam Kementerian ini. Saya, Tuan Yang di-Pertua, ingin berchakap berkenaan dengan fasal 4, di-dalam head ini. Saya tentu-lah dapat mengagak bahawa dalam masa sa-tahun tidak-lah Jabatan Setia-Usaha dalam Kementerian ini tidak bekerja. Saya perchaya usaha² awal bagi membuat garis² kasar di-buat oleh Pejabat Ekonomi ini sudah di-jalankan. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya memberikan di-sini beberapa perkara yang pada nampak saya ada hubungan yang rapat bagi kemajuan ekonomi Melayu. Sunggoh pun di-dalam Penyata² yang telah di-ketahui telah ada di-sebut perkara² yang menjadi pokok kemundoran orang Melayu, tetapi soal modal tidak-lah menjadi perkara yang di-besar²kan. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua,

telah banyak saya bertanya² dan memerhatikan perkembangan perniagaan dalam negeri ini. Saya yakin bahawa sa-kira-nya Kerajaan tidak mengambil berat di-dalam menolong modal orang² Melayu maka amat-lah di-khuatirkan bahawa kehendak itu tidak dapat di-chapai. Menteri Yang Berhormat telah menubuhkan satu Jawatan-kuasa bagi menyiasat usaha orang² Melayu dan saya rasa amat-lah mustahak bagi Jawatan-kuasa ini menimbangkan soal modal. Baharu² ini saya terbacha dalam surat khabar kenyataan yang di-buat oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Perniagaan Melayu, yang mengatakan bahawa patut di-berikan oleh RIDA kepada Ahli² Perniagaan Melayu. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Badan Jawatan-kuasa tersebut ada-lah badan co-ordination yang menyatukan saloran berfikir maka soal melambatkan memberi bantuan dan pertolongan di-dalam perniagaan hendak-lah di-fikirkan sa-dalam²-nya. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perniagaan ini perlumbaan yang amat banyak oleh kerana sedikit kelambatan akan menyebabkan ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sa-orang sahabat yang meminta bantuan RIDA sa-banyak \$3,000, sa-sudah 10 bulan baharu-lah bantuan itu di-berikan. Apa-kah yang berlaku di-dalam 10 bulan perniagaan sahabat saya itu telah merusut sa-hingga pada masa tiba-nya bantuan yang di-berikan oleh RIDA itu walau pun banyak tidak dapat di-lakukan dengan betul kedudukan perniagaan itu maka terjadi-lah ia itu orang yang terpaksa membayar hutang dan terpaksa-lah menutup kerugian-nya. Wal hal pada tujuan asal-nya supaya ia boleh menjalankan perniagaan-nya dengan lichen.

Di-dalam modal ini suka-lah saya minta kepada Menteri Yang Berhormat menimbangkan soal kemungkinan bahawa Kerajaan menginsafi zaman modern ini perniagaan yang kechil² sahaja atau perniagaan sam-bilan² sahaja dan dengan modal² yang ada sahaja, saya rasa tidak-lah chukup. Menginsafi ini maka elok-lah Menteri Yang Berhormat itu memikirkan

dengan sunggoh²-nya sama ada mungkin bagi Kerajaan dan pada pandangan saya bahawa mungkin Kerajaan akan memberi modal pinjaman sementara bagi kerja² perniagaan besar yang di-buat oleh orang² Melayu. Modal yang patut di-berikan oleh Kerajaan itu tidak-lah merupakan pemberian sedekah, sebab tidak ada sedekah dalam perniagaan. Yang saya kehendaki ia-lah membeli sher umpama-nya tiga puluh persen atau empat puluh persen daripada kehendak sa-buah sharikat perniagaan Melayu yang bertujuan besar dalam perniagaan-nya yang hendak membuka dalam lapangan perniagaan yang besar.

Pada masa yang akhir² ini nyata bagi kita bahawa dengan modal yang sedikit itu amat sedikit dapat kita buat dalam perniagaan, dan pada yang akhir² ini pula oleh kerana akibat² beberapa kechurangan yang berlaku dalam persharikatan Melayu maka keperchayaan orang terhadap sharikat Melayu telah kurang. Maka mustahak-lah di-adakan sumber lain bagi membolehkan sharikat² Melayu itu menjalankan perniagaan-nya. Katakan-lah satu company Melayu yang hendak membuka lombong di-Perak umpama-nya. Apabila ia berchadang hendak membuka lombong dan ada kelulusan daripada Kerajaan kerana menghormati dasar mengutamakan orang² Melayu dalam melombong, maka apabila ia telah dapat menchari² modal untuk membolehkan ia menjalankan usaha utama-nya dalam perlombongan—perlombongan menghajatkan kepada modal yang berjuta² ringgit dan bagi bangsa Melayu yang hendak turut dalam perusahaan dan perniagaan ini, saya rasa modal yang berjuta² itu tidak-lah satu perkara yang ringan. Di-sini-lah sa-kira-nya dapat Kerajaan umpama-nya menolong dalam perkara ini sa-chara membeli sher dan sa-bagai-nya bagi waktu lima enam tahun yang kemudian di-jual kepada orang² Melayu, maka saya perchaya dapat-lah sharikat² Melayu itu melancharkan kerja-nya.

Ada satu perkara yang besar pada masa ini ia-lah orang² Melayu hendak membuka perniagaan yang besar.

Mereka menjangka bahawa kita mesti buat perniagaan besar, export, import, commission agent dan lain². Semuanya hendaklah besar, sebab kata-nya kalau kecil maka akan hilang di-chelah² gigi pertarongan perniagaan dalam negeri ini sahaja. Saya memikirkan sa-kira-nya di-buat sahaja bagini, maka akan hilang juga-lah usaha² yang baik daripada mereka itu menjadi mangsa pertarongan perlumbaan perniagaan. Pada fikiran saya sudah sepatutnya-lah bagi Jabatan Setia-Usaha Ekonomi Melayu dalam Kementerian ini mengadakan satu badan penyiasatan bagi perusahaan² besar orang² Melayu yang kerja-nya ia-lah menapis dan memerhatikan bagaimana kemungkinan atau kekuatan perniagaan yang hendak di-buat oleh orang² Melayu. Tetapi apabila satu kumpulan orang² Melayu naik semangat hendak berniaga maka kadang² dan banyak kali-nya lupa kepada mereka itu kepada perhitungan yang di-asaskan pada kenyataan. Maka ini-lah jasa yang baik sa-kira-nya Kerajaan dapat membuat bahawa ranchangan yang besar yang hendak menjalankan perniagaan orang² Melayu yang besar itu di-tapis dan di-beri nasihat serta panduan oleh satu badan yang tertentu yang tersusun oleh orang² yang telah tahu dalam hal Kementerian itu. Saya perchaya dengan yang demikian dapat-lah perniagaan orang² Melayu itu pertolongan yang di-kehendaki selain daripada modal dan latehan seperti yang biasa kita tahu. Walau bagaimana pun sa-telah Menteri Yang Berhormat itu menyebutkan berkali² bahawa dalam menetapkan orang² Melayu dalam perniagaan negeri ini tidak-lah dapat di-paksa sa-siapa bagi menerima kemasokan orang² Melayu dalam perniagaan, walau pun ini ada-lah satu fact akan tetapi tidak-lah di-napikan oleh sa-siapa pun dalam negeri ini sa-kira-nya orang² Melayu akan ketinggalan dalam lapangan ini. Maka mereka itu akan menjadi satu kelompokan ekonomi yang bukan sahaja membahayakan diri mereka itu tetapi akan membahayakan orang² lain yang pada masa ini tidak berapa ingin menyambut perniagaan mereka dalam perusahaan dan perdagangan. Jadi mahu tidak

mahu Kerajaan sedikit sa-banyak-nya hendak-lah menambahkan tegas dasarnya kepada orang² yang bukan Melayu supaya dapat meresap ahli² peniaga Melayu dalam lapangan ini. Saya insaf dan saya perchaya orang² Melayu yang hendak berniaga itu insaf bahawa berniaga dalam perniagaan tidak-lah ada kaedah ehsan, tidak-lah kaedah bimbingan membimbing, siapa mahu hidup ia terek napas. Tetapi negeri ini adalah sa-buah negeri yang ingin kepada perimbangan ekonomi dan saya rasa tidak-lah chukup seperti kata Menteri Yang Berhormat bahawa pada satu masa ia akan menggunakan jasa baik-nya sendiri. Sadikit sa-banyak hendak di-tekan bukan tekanan yang kuat, tetapi tekanan yang sedikit sa-banyaknya dapat di-fahamkan bahawa dalam ekonomi ini sa-kira-nya di-biarkan keadaan macham ini akan tiba masanya kelompokan ekonomi orang² Melayu itu dan akan mengakibatkan yang akibat-nya sangat burok pada negeri ini dan juga pada orang² Melayu.

Menyatukan ahli² perniagaan orang² Melayu boleh jadi dapat kita buat dengan Dewan² Perniagaan, tetapi menyatukan mereka itu sa-bagai orang² yang berniaga dalam perniagaan maka ini amat-lah susah. Saya sangat menginsafi bahawa sa-lagi tidak dapat di-usahakan oleh Kerajaan supaya mereka ini menyatukan diri dalam perniagaan mereka itu sendiri maka kita akan tenggelam dan ini jikalau di-biarkan oleh Kerajaan maka nyata-lah Kerajaan tidak dapat menjalankan tindakan-nya.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, ada perusahaan² yang besar seperti pada satu masa Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada pergi ka-Bachok, dan dalam pertemuan-nya dengan ahli jawatan-kuasa kemajuan luar bandar, telah di-dapati bahawa di-Bachok ada beratus kilang² kecil yang mengeluarkan hasil bata. Amat-lah susah-nya jika kita hendak menyuroh mereka ini membuat satu kampeni yang besar, tetapi satu chara hendak-lah di-buat dan di-nasihatkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, umpama-nya, bagaimana-kah mereka

ini dapat di-satukan, dan dalam penyatuan itu yang di-maksudkan ia-lah penyatuan mengeluarkan barang² mereka kepada pasaran yang di-bantu oleh Kerajaan untuk mendapat-nya. Tuan Yang di-Pertua, pasaran bagi hasil ada-lah satu perkara yang di-hadapi kesulitan-nya oleh ahli perniagaan Melayu. Kita berniaga buat apa yang sa-daya upaya kita, kita buat, tetapi kita tidak dapat pasaran. Apa-kah sebab-nya? Sebab-nya yang besar ia-lah kerana tekanan² yang ada terhadap perniagaan yang kita jalankan itu. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Setia-Usaha Kemajuan Iktisad Orang Melayu itu akan berbuat baik-lah sa-kira-nya mereka dapat menolong mewujudkan dan menchari pasaran bagi perniagaan Melayu ini.

Kita tahu Menteri Yang Berhormat kita ada-lah sa-orang yang selalu berjalan keluar negeri. Dalam perjalanan keluar negeri itu biar-lah mengintai di-mana-kah perniagaan Melayu itu dapat di-kembangkan. Saya amat-lah menghormati jasa² Menteri Yang Berhormat kita dalam hendak memajukan perniagaan yang besar, tetapi suka-lah saya pandang² kepada perniagaan yang kecil² yang ada pada tangan orang Melayu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memperkatakan kemajuan iktisad orang Melayu maka teringat-lah saya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, yang pada satu masa dahulu ia mengatakan bahawa di-dalam perniagaan orang Melayu ini hendak-lah di-beri "handicap". Ini memang benar, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak di-beri "handicap" maka tentu-lah kalah. Dan saya rasa ini-lah yang mustahak di-perhatikan oleh Kementerian supaya apa yang di-buat oleh jabatan ini benar² dapat di-rasa² oleh ahli² perniagaan yang pada masa ini menunggu bimbingan, panduan serta bantuan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan memajukan perusahaan² dalam negeri ini, maka saya rasa dalam Item 74 Controller, Trade Division—kita mengawal bahawa kita ini ada-lah sa-buah negara yang terikat dengan GATT terikat dengan peratoran²

international supaya jangan-lah kita ini menahan perniagaan orang lain yang datang ka-negeri kita, dan ada-lah dalam kepentingan negeri ini juga bahawa kita jangan mengambil kaedah menahan perdagangan orang ka-negeri kita. Memang benar, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada kala-nya nyata sangat tekanan yang di-datangkan dari kemasokan barang dalam negeri ini kepada perusahaan negeri itu. Kita telah melihat dalam perkara yang besar. Maka saya suka-lah menarek pandangan dalam Dewan ini dalam perkara yang kecil. Kain batek, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah penghasilan yang di-beri oleh orang Melayu dengan chara kecil²an. Tetapi semenjak kain batek—entah dari mana datang-nya—bagitu banyak dengan chara di-kawal walau pun sedikit, maka kemajuan kita dari sa-hari ka-sahari makin kurang, sa-hingga pada masa ini orang di-negeri kita lebih suka menjual kain yang di-buat di-sabelah Siam daripada kain batek yang di-buat dalam negeri ini sendiri. Tentu-lah dari segi perniagaan tidak ada "favouritism", tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi hendak mengawal perkembangan supaya membolehkan perusahaan² dalam negeri ini menjadi perusahaan² yang besar pada satu masa yang akan datang, "protectionism" dalam "trade" saya rasa patut-lah di-amalkan. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lalu saya membaca sa-mula apa yang di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan kata-nya, "Tetapi dalam pada itu pun seperti mana yang tuan² tahu bahawa Kerajaan memang mengambil tindakan seperti menaikkan cukai baharu² ini untuk menjaga segala perusahaan yang kita perchaya boleh maju dalam negeri ini."

Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu "assurance", satu perkataan yang amat baik. Dan saya rasa dalam soal barang² pengeluaran barang² kecil dalam negeri ini, ini-lah yang patut di-amalkan, dan jangan-lah Menteri Yang Berhormat ragu² lagi daripada menjalankan-nya demi kepentingan kemajuan ekonomi negeri ini dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berpaling kepada Controller, Industrial Development Division. Saya memerhatikan di-dalam perkembangan ekonomi dan perkembangan perusahaan negeri ini amat-lah banyak kemasokan perusahaan luar ka-dalam negeri ini. Saya minta kepada Menteri Yang Berhormat memikirkan, dan oleh kerana ia selalu berjalan mengusahakan dan mengintai peluang di-luar negeri supaya dapat di-galakkan perusahaan² dan memasang barang² dalam negeri ini. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan Persekutuan Tanah Melayu ini mewujudkan factory yang besar bagi mengeluarkan barang² jentera dan sa-bagai-nya dalam negeri ini ada-lah terpaksa menunggu masa yang lama. Tetapi maseh boleh di-dalam kekuatan ekonomi kita dan maseh boleh dalam kekuatan negara kita ini menggalakkan orang supaya mewujudkan assembly plant dalam negeri ini supaya boleh barang yang hendak di-buat itu di-buat di-negeri lain, tetapi memasang-nya dalam negeri kita. Satu daripada perkara yang kita tidak kalah dalam negeri ini ia-lah motokar. Motokar ada-lah di-pakai dengan banyak-nya, dan banyak kampeni² yang saya rasa berasa beruntung kerana negeri ini banyak menggunakan motokar. Saya fikir kalau dapat elok-lah Menteri Yang Berhormat ini mengusahakan supaya di-banyakkan tempat bagi memasang alat² jentera (plant) saperti ini supaya membolehkan sa-kurang²-nya walau pun kita belum sempat dan belum boleh membuat motokar dapat-lah kita menengok² bagaimana chara memasang-nya dan kita dapat belajar memasang-nya—entah bila tiba masa-nya nanti—kita akan dapat membuat-nya sendiri. Tangga yang saperti ini telah di-buat oleh negeri lain, dan saya perchaya Persekutuan Tanah Melayu tidak-lah boleh kalah dari negeri² lain dalam hal mewujudkan assembly plant.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, perkara yang saya hendak chakapkan ia-lah berkenaan dengan Tourist Promotion Section. Saya perhatikan \$41,132 akan di-gunakan dalam nama²

yang berlainan, sa-lain daripada wang khas yang di-belanjakan untuk perkerjaan bagi pegawai² \$ $\frac{1}{4}$ juta. Tujuan perlancongan yang besar menurut fahaman saya ia-lah supaya mereka ia-itu orang² lain yang datang ka-negeri ini wang dapat di-belanjakan dalam negeri ini, bukan-lah sa-mata² kerana kita sukakan dia datang, dan senyum² dengan kita—tidak—tetapi hendak mengambil currency yang di-gunakan-nya itu dan dalam pertukaran wang itu-lah fa'edah yang besar bagi negeri ini pada masa yang akan datang. Apa yang di-belanjakan-nya dalam negeri ini maka itu akan menjadi hasil bagi negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa saya ada naik keretapi, dan berjumpa beberapa pelancong Amerika, dan dalam perchakapan mereka itu nampak saya yang tertarek sangat mereka itu kepada Persekutuan Tanah Melayu ini ia-lah budi bahasa orang²-nya. Boleh jadi ada sa-tengah orang yang berfaham bahawa yang besar sa-kali mereka itu tertarek ia-lah bangunan kita yang tinggi, tetapi saya fikir bagi orang Amerika tidak-lah mereka datang ka-Persekutuan Tanah Melayu hendak menengok “sky-scrapers” tentu yang hendak ditengok-nya benda yang lain daripada yang ada dalam negeri-nya itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat-lah kita mewujudkan, umpama-nya, yang di-sebutkan oleh mereka itu dan saya menyebutkan ini untuk menyampaikan kepada Menteri Yang Berhormat, sebab saya baharu berjumpa dengan beliau hari ini, ia-itu yang di-rungutkan oleh mereka itu ia-lah derebar teksi di-Tanah Melayu ini kata-nya kebanyakan mereka itu tidak boleh bertutor dalam bahasa Inggeris. Saya, Tuan Yang di-Pertua, chuba mempertahankan diri saya sendiri dan mempertahankan derebar teksi itu. Saya mengatakan jarang di-Persekutuan Tanah Melayu orang yang tidak tahu berbahasa Inggeris dalam soal perteksian, ia-itu ka-mana hendak pergi, dan berapa bayaran-nya, dan berhenti di-sini atau di-situ, tetapi dalam soal lain boleh jadi susah. Tetapi mereka mengatakan banyak

kali mereka memberi arah ka-mana hendak pergi, akhir-nya pergi ka-tempat lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Hotel² yang ada di-sini yang di-hormati oleh mereka itu perkhidmatan-nya dan di-hormati oleh mereka itu kerana tidak ada tekanan memberi tip, dan patut-lah di-beri ingatan supaya derebar² taxi² itu boleh berbahasa Inggeris yang di-fikirkan patut. Tuan Yang di-Pertua, Sharikat² Pelanchong timbul dengan banyak-nya di-dalam negeri ini semenjak kerja² pelanchongan ini di-galakkan oleh Kementerian ini. Di-sini ada di-tunjokkan dengan tegas-nya Contributions to Tourist Associations and Organisations, publicity dan sa-bagai-nya. Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri di-dalam memberikan sokongan wang supaya Sharikat² Pelanchong ini menolong usaha² pelanchongan dalam negeri ini jangan-lah di-berikan monopoly kepada satu² sharikat yang tertentu tetapi hendak-lah di-berikan kepada sharikat² yang benar² menjalankan kerja² yang tidak menyebelah sa-siapa pun. Kita berharap supaya mereka itu berlumba² memajukan pelanchongan ini dengan ikhlas menurut bantuan yang di-berikan kepada mereka itu.

Enche' Lim Joo Kong (Alor Star):

Mr. Speaker, Sir, I rise to congratulate our Minister for his ability in running his Ministry so well that after a few trips abroad he has managed to encourage a lot of foreign investments in our country thus generally boosting up the trade and commerce, which no doubt contribute much to the financial progress of our country.

Sir, I have a comment to make under Sub-head 1, Export Commodities Division. It is a known fact that we do not produce gunny-sacks in our country, in other words we have to import all our requirements from abroad. I wish to point out to this House that the recent permission in allowing re-export of second-hand gunny-sacks from our country has created quite a stir resulting in the

increment of the price of gunny-sacks by almost 100%. This affects the padi planter especially during this time of the year, when they have to collect all the padi from the field. The export of our gunny-sacks has no doubt benefitted a few persons at the expense of many thousands of our padi planters as well as, I am quite sure, all of us, because as rice consumers we eventually have to pay for the cost. Therefore, I hope such a measure in allowing the export of such essential commodities from our country should be properly looked after in future.

I wish also to point out that our yearly production of padi amounts to well over to a million tons—not a million piculs. So we can imagine the colossal amount of gunny-sacks used in the country. Therefore, my second point is that the Minister will do something to encourage the establishment of a factory for producing gunny-sacks in this country to meet the needs of the people so that our money will not go into foreign pockets. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah

(Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil bahagian sedikit sahaja di-dalam Kepala 13 ini lebeh² lagi di-dalam muka 64 ia-itu Industrial Development Division dan juga Productivity Centre. Tuan Yang di-Pertua, orang² Melayu kita sa-hingga sampai sekarang ini maseh mempunyai perusahaan² kechil lebeh² lagi di-pantai timor yang berjalan di-dalam keada'an yang susah dan merlesit. Perusahaan ini ada-lah saperti perusahaan batek, perusahaan perak, perusahaan tenun-menun, perusahaan besi dan tembaga maseh berjalan di-pantai timor walhal perusahaan² ini sa-bagai-mana yang saya tahu pada zaman dahulu ada juga di-sabelah pantai barat tetapi oleh sebab desakan barang² yang datang dari luar negeri dan juga tidak ada galakan dan pertolongan daripada Kerajaan maka perusahaan² itu lenyap dan hapus. Tetapi perusahaan² itu maseh berjalan lagi di-pantai timor tetapi keada'an perusahaan itu ada-lah sangat menyedehkan hati.

Oleh hal yang demikian saya berharap kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan supaya mendirikan satu tempat penyelidikan dan latihan yang di-namakan Research dan Training Centre di-Kuala Lumpur ini supaya dengan di-adakan Training Centre dapat-lah pusat ini mengkaji jalan² bagaimana hendak memperbaiki method of production—jalan² untuk mengeluarkan barang ini lebeh² lagi modern dan baik serta murah perbelanjaan cost of production-nya. Kerana apabila ada research yang bagini di-satu² pusat maka dapat-lah Kerajaan menjemput orang² yang sedang menjalankan perusahaan² di-pantai timor masok berlateh di-dalam pusat ini dengan jalan² yang modern yang akan dapat mengeluarkan barang² yang lebeh banyak. Pertukangan tembaga sekarang ber-jalan dengan maju-nya di-pantai timor lebeh² lagi di-Trengganu tetapi perbuatan mereka itu ada-lah perbuatan atau chara² yang di-jalankan oleh datok nenek moyang mereka itu ia-itu primitive—jalan lama. Mereka ini hendak membuat screw-nya mereka tidak tahu. Demikian juga perkara chontoh² atau pun achuan² barang² itu yang di-persetujui oleh kemahuan zaman sekarang ini itu pun mereka tidak tahu semua sa-kali. Oleh yang demikian sa-kira-nya di-adakan satu pusat research dan training centre di-Kuala Lumpur ini dapat-lah pusat ini memberikan satu pengetahuan yang baik kepada mereka itu supaya mereka itu dapat mengeluarkan barang mereka itu mengikut kemahuan masa.

Satu lagi tentang perkara bahagian khas yang telah di-dirikan di-dalam Kementerian Perdagangan itu untuk menolong orang² Melayu. Saya ada menerima aduan dari contractor² di-Pantai Timor sana di-Kota Bharu bahawa mereka itu telah berkali² menulis surat kepada Kementerian ini lebeh² lagi dalam bahagian ini, mereka itu hendak tahu apa-kah pertolongan yang boleh dapat daripada bahagian itu. Akan tetapi, jawapan pun tidak di-terima. Oleh sebab yang demikian saya harap Menteri Perdagangan mengambil berat di-atas perkara ini.

Enche' Kang Kock Seng (Batu Pahat): Mr. Speaker, Sir, contrary to the statement made this morning by the Honourable Member from Dato' Kramat to reduce the personal emoluments of the Minister by \$10, I feel it is justified to increase it by \$10 if not more. Why do I say so, Sir? It is because of the untiring energy, persuasive ability and hard work of the Minister and his colleagues in the Ministry, that Malaya has shown to the world that it is the most stable country to trade with. Sir, the Minister has unselfishly worked day and night for the country and the people as a whole.

Another good example is that some time in November, when the Americans and the British decided to release their rubber stockpile without prior consultations with Malaya, the Minister upon receipt of such communication took a very serious view of the threat to our rubber industry, and he immediately gave a very strong press statement warning all the countries concerned of the consequences of such action, and thereby saved the price of rubber from falling further at that time. By such action he has won the confidence not only of the producers and the exporters but also of the rubber industry. Sir, another good example that I would mention here—we all know it, we have read it in the papers yesterday and today—is the great achievement which he has just achieved from his recent trip to London by his persuasive ability to get the support of the consumer countries in raising the ceiling price of tin together with the floor price as well. (*Applause*). Sir, no doubt the increase of the ceiling price of tin would not affect the present market, but it would encourage tin mines in this country and other producing countries to go into full production. Sir, another good news, for which I think tribute and praise should be given to the Minister and the Malayan Government as well, is that now the United States General Services Administration and the British Board of Trade have modified their rubber stockpile disposal arrangements by accepting the proposals put forward by our Government to stabilise the

price of the commodity. Sir, why do I say so? Sir, by such an arrangement, sales of stockpile rubber will now be governed by the average market price of R.S.S. No. 1 during the preceding month, instead of being geared to the current market price. By such action rubber traders will now be able to know the exact quantity of stockpile rubber that will be disposed of in any one calendar month. Such actions taken by the Minister and his colleagues in the Ministry would prove that with such a small budget allotted to the Ministry—it is the smallest, I believe, of slightly over \$2 million—they are serving the country well.

Of course, there are many more achievements, for example, by the various Divisions concerned, but I leave them out for mention at a later date. I feel, therefore, that the statement made this morning by the Honourable Member for Dato' Kramat is not justified and I therefore think that such a statement is uncalled for and should not have come forward at such an untimely hour. Thank you, Sir.

Tuan Syed Hashim bin Syed Ajam (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak chakap banyak, tetapi chuma saya hadapkan satu sahaja-lah ia-itu kepada Kementerian ini. Kalau tidak silap pada bulan February saya dengan Yang Berhormat Tuan Syed Esa dan Yang Berhormat dari Bagan Datoh mengadap Kementerian ini merundingkan bagaimana-kah kejatohan harga kelapa. Ma'alum-lah, Tuan Yang di-Pertua, kelapa itu nampak-nya di-kawasan saya sangat banyak. Kemudian dalam perundingan itu telah di-panggil satu pegawai bahawasa-nya dia hendak menguruskan dengan pegawai RIDA. Akan tetapi sampai masa ini tidak ada-lah pegawai RIDA itu datang di-Sabak Bernam. Jadi penderitaan orang² di-sana ada-lah bertambah² gelap dan kelapa pun melawas buah-nya dan harga-nya pun chukup murah. Orang² kampong itu tidak ada pencharian yang lain. Oleh itu saya harap Kementerian ini supaya

dapat menolong kepada penduduk² di-sana itu. Barangkali dengan jasa baik Menteri Yang Berhormat itu dapat-lah di-adakan satu kilang kelapa di-Sabak Bernam. Dengan ada-nya kilang kelapa ini boleh jadi dapat menolong orang² yang tidak ada kerja itu mendapat kerja dan ini akan menambahkan mata pencharian mereka di-sana, begitu juga harga kelapa pun akan naik sadikit.

Sa-lain daripada itu saya sangat tertarek hati dari Yang Berhormat Muar Utara telah menyebutkan tentang kilang² yang mengatakan bahawa RIDA patut mengadakan kilang belachan. Tuan Yang di-Pertua, kalau kilang belachan boleh di-beri, kilang kelapa juga ada lebih baik lagi, kerana belachan itu untuk membuat sambal sahaja. (*Ketawa*). Dalam pada itu saya harap Kementerian ini chuba menchari satu jalan supaya kelapa² kering itu di-hantar ka-luar negeri, seperti barang² di-India, di-Burma dan negeri² Jepun. Sebab kita tahu ada barang² daripada India ada datang ka-Malaya ini, seperti rempah dan lain² lagi. Barangkali juga boleh di-buat pertukaran, jadi dengan jalan ini dapat-lah di-naikkan harga kelapa. Jika tidak demikian saya berharap-lah supaya memotong chukai kelapa itu kalau ta' semua pun sa-paroh pun jadi-lah.

Dr. Lim Swee Aun (Larut Selatan): Mr. Speaker, Sir, I am going to speak on the Industrial Development Division. When I spoke on the second reading of the Supply Bill I said that perhaps industrialisation would be able to solve and improve our economic position. I think we are all agreed that with industrialisation in Malaya, there will be more employment; and if we are able to export our manufactured goods, there will be an increase in our foreign income. I then said that it would be to the benefit of our country if industries could make the maximum use of our local raw products. I am sure the Industrial Development Division of the Ministry of Commerce and Industry must be studying very hard to find out what industries should be started in

Malaya and what type of factories would be to our maximum benefit. I would suggest to that Ministry that we should try to encourage as many factories as possible that will make the maximum use of our local produce, either for finished or unfinished products, for export. Now, to make that much clearer, we in Malaya import a lot of wheat flour to make our cakes. Today you can buy at any shop a lovely packed pre-mixed cake packet of flour which contains all the ingredients. The housewife has only to add some water, mix it up, bake it and there you have a cake. This means that the people in America, in particular those who exports this particular type of prepared mixture, are finding employment for the local people and also earning more money in the export of this raw product—wheat flour. Therefore, I have in mind—and no doubt the Ministry has already studied this—that we in Malaya should in turn try and produce or manufacture finished or unfinished products out of our raw materials before export. For example, instead of exporting just plain copra, why do we not find some factories that will extract the oil and convert it into some sort of edible oil ready for use as cooking oil for export elsewhere? I think there are already factories here that are making use of our vegetable oil to make margarine. I feel that more of this should be done and the policy should be to gear our industry to use as much of our local produce as possible, particularly if we intend to diversify our agriculture and not to depend on just export of our raw materials.

To encourage more factories to start on these lines, I would suggest that pioneer status should be given to them—not only to one factory manufacturing one kind of goods, but rather to as many factories as possible that will make the most use of our local raw materials for export.

Sir, we are very glad that Dunlops are going to start a factory here to make use of our rubber for motor-car tyres and what-nots, but we should

not discourage other companies that will make use of our rubber to make tyres. Therefore, I suggest that this pioneer status be extended to more companies, even though of the same industry. If they will make use of more of our raw products for export purposes, then they should be given pioneer status. A lot of our tyre retreading companies here use rubber compound—an unfinished product of rubber—and perhaps we in Malaya can have factories to manufacture this rubber compound not only for our local use but also for export. Whether that is possible or not, I do not know, but I hope the Ministry will look into this matter.

Sir, I fully realise that one of the difficulties that Malaya will meet with is that we do not have enough people with the technical know-how. I would therefore suggest that more of our students be sent abroad on scholarships to study not only plain chemistry but also chemical engineering—I understand there is a difference between just ordinary chemistry and chemical engineering, because chemical engineering deals more with the chemistry as applied to industry—and with more chemical engineers coming back, and with encouragement from the Government to do more research into more uses of our local products, we can perhaps use more of our raw materials and not be so dependent upon export of just plain raw materials. To make it more attractive, perhaps, the University of Malaya might be able to be persuaded to have a Branch on Chemical Engineering. Mr. Speaker, Sir, I do not want to belabour this any further, but I hope the Minister will think about it.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap sedikit bersangkut dengan perkara kemajuan orang² Melayu yang di-bawah tadbir Menteri Perusahaan dan Perdagangan. Saya sedar mengenai usaha² hendak memajukan orang² Melayu dalam perusahaan dan perniagaan ini satu perkara yang amat susah bagi siapa² juga memikirkan

perkara ini. Kita semua tahu dengan kerana daripada dahulu lagi orang² kita Melayu dalam kechenderongan-nya hanya-lah untuk menjadi pegawai Kerajaan dan ahli² tani sahaja, dan daripada berpuluh² tahun dahulu lagi daripada dato nenek kita semangat perniagaan, tidak ada pada waktu itu. Jadi kita pada hari untuk berikhtiar hendak membangunkan sa-mula usaha² itu sangat-lah susah, terutama sa-kali dalam masa perlumbaan dengan lain² bangsa pada hari ini di-Tanah Melayu kita ini. Apa juga chara perusahaan dan perniagaan yang orang² Melayu buat mesti mendapat perlawanan daripada bangsa² yang lain. Ini tidak-lah kita rasa kechil hati kapada lain² bangsa kerana yang sa-benar-nya usaha² mereka itu bersunggo² bukan hanya bergantung kapada modal sahaja, yang sa-benar-nya mereka amat-lah berusaha dan telah menumpahkan segala tenaga dan fikiran mereka dengan bersunggo². Jadi, jika orang² Melayu juga ada bersemangat saperti lain² bangsa itu dari dahulu, tentu-lah perkembangan orang² Melayu dalam lapangan perdagangan dan perusahaan akan maju juga sa-perti lain² bangsa yang ada di-tanah ayer kita sekarang ini.

Sekarang, Pekan² Hari banyak telah di-bangunkan oleh Kerajaan.

Saya rasa ini-lah waktu-nya yang orang² Melayu akan masok sa-mula dalam lapangan perniagaan. Dahulu daripada itu orang Melayu kebanyakan-nya tidak mahu, dan sa-tengah²-nya malu pula masok menjadi ahli perniagaan. Jadi dalam Pekan Hari ini-lah sa-bagai satu darjah yang pertama untuk orang Melayu masok berniaga. Jadi pada hari ini di-merata² pekan dalam Tanah Melayu Pekan² Hari ada. Pada mula-nya ada hari² yang tertentu sahaja, saperti hari Sabtu, hari Ahad, hari Rabu dan hari Khamis. Kemudian dengan chara tidak langsung sa-tengah Pekan Hari itu di-jadikan tiap² hari pula, ada juga sa-tengah-nya dudok berniaga tetap di-situ. Jadi dalam hal ini ahli² perniagaan ini telah pun mengerti hal berniaga. Jadi mereka ini pada hari

ini harus mendapat perhatian daripada Kementerian ini bagaimana chara-nya hendak menaikkan taraf perniagaan mereka itu. Satu kesulitan yang di-hadapi oleh ahli perniagaan ini ia-lah mereka berkehendakkan tempat berniaga. Jadi bagi mengikhtiarkan tapak perniagaan ini saya mengshorkan kapada Yang Berhormat Menteri, khas-nya kapada Setia-Usaha yang bersangkutan dengan hal kemajuan orang Melayu, patut pada hari ini di-mana² pekan yang besar di-ambil satu kawasan tanah untuk di-jadikan kawasan orang Melayu, jadikan kedai atau pun tempat² perusahaan, dan di-kawasan ini kita buat sa-bagaimana "Malay reservation" ia-itu nama itu tidak boleh di-tukar kapada orang lain sa-lain daripada orang Melayu. Jadi kalau hendak jual pun kapada orang Melayu sahaja. Chara hendak membangunkan rumah tadi ini terpulung kapada Kementerian ini sama ada hendak buat rumah batu atau apa² chara bangunan yang di-fikirkan menasabah supaya dapat-lah mereka mengator perniagaan-nya dengan lebeh baik lagi. Kalau sa-kira-nya tidak ada ikhtiar yang saperti itu saya rasa pada masa yang akan datang orang Melayu tidak boleh bertapak langsung dalam pekan, dan tidak ada harapan orang Melayu boleh maju ka-hadapan sama ada buat perniagaan kechil atau pun besar. Kalau boleh buat pun chuma saperti yang ada pada hari ini sahaja. Malu kita kapada bangsa² lain yang datang melihat Tanah Melayu ini. Saya harap dengan ada-nya usaha yang sa-umpama ini baharu-lah boleh di-katakan jaminan tapak perniagaan kapada orang Melayu yang hendak berniaga di-situ boleh kekal pada masa yang akan datang.

Dan lagi untuk hendak menggalakkan orang Melayu dalam hal perusahaan dan perniagaan tadi salah satu daripada perniagaan yang tidak ada perlawanan sangat ia-lah perniagaan yang berlesen yang ada kuasa daripada tangan Kerajaan sendiri memberi kebenaran. Jadi ma'alum sahaja-lah lesen itu, tiap² satu perniagaan yang berlesen tidak-lah di-keluarkan sampai bagitu banyak

saperti lesen getah, teksi dan lain². Jadi sa-bagai menolong orang Melayu segala lesen² perniagaan ini menasabah sa-kali pada masa ini di-beri, terutama kapada orang Melayu hendak-lah di-beri dengan banyak. Sa-lain daripada itu harus juga pihak Kementerian ini jika sa-kira-nya ada satu² perusahaan yang besar di-buat oleh orang lain saperti orang Eropah atau pun ahli² perniagaan yang sudah maju yang mengeluarkan perusahaan mereka sama ada dalam negeri ini atau luar negeri tentu sa-kali hendak menjual segala barang² mereka itu ka-pekan kecil. Jadi patut Kementerian ini berhubung dengan orang yang mengeluarkan barang² itu bagi menolong orang Melayu di-kawasan pekan kecil itu mendapat wakil penjual. Jadi dengan ada-nya wakil penjual dalam satu² pekan itu baharu-lah orang Melayu boleh menjalankan perniagaan itu dengan tidak ada perlawanan sangat. Tetapi bukan-lah pula kita hendak merebut atau pun hendak mengenyepikan peluang lain bangsa yang sedang berniaga pada hari ini.

Dan sa-lain daripada itu ada satu perkara di-tempat saya yang saya suka mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, ia-itu di-Bongor, Baling, ada sa-buah kilang susu getah terdahulu daripada ini tempat membeli susu ini di-buat oleh sa-buah Sharikat Kerjasama Orang² Melayu. Tetapi di-waktu yang akhir ini di-pegang sendiri oleh RIDA yang mana berchadang hendak membuka kilang susu itu sendiri, dan di-chadangkan pada 1.1.1962 ini. Saya rasa lebih daripada \$20,000 pihak RIDA membelanjai untuk membaiki tapak kilang itu dan sa-bagai-nya, dan segala kuli dan derebar telah pun di-siapkan untuk menjalankan pekerjaan itu. Tetapi baharu dua tiga hari ini saya dengar, RIDA tidak setuju dan tidak mahu buka kilang itu. Jadi dengan sebab itu saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Enche' Kang Kock Seng (Batu Pahat): Mr. Chairman, Sir, I would like to speak briefly for a few minutes on the Industrial Development Divi-

sion. Sir, it was suggested just now by my Honourable colleague the Member for Larut Selatan that by granting more pioneer status it would encourage industries to use local produce and local products and thus create more employment and thereby earn more foreign exchange. I for one do agree with him 100 per cent on those points, but I must say that he as a professional man looks towards industry from another angle.

Sir, we all know that the people in this country believe in investments in rubber, tin and various other forms of mining. Why I say so is that when money is invested in rubber estates, or tin mines or in any other shares, one gets a return—it may be more or less—and you are assured of this return. The granting of more pioneer status to some industries, I think, would defeat the purpose of industrial development in this country. Why I say so is because, as the Honourable Member has said, we are short of the technical know-how and we are also faced with various other problems, among which I may say is the market in Malaya—it is so limited with a population of less than 7,000,000 people and also the fact that the consumers are very brand conscious. So with such handicaps, and many others which I am sure the Honourable Member does not realise, I would only hope that the Ministry concerned with industrial development will study each and every case before granting pioneer status.

Sir, I hope that we will not make a mess of our industrial development by creating industries and killing them before they are put on their feet. May I take this opportunity to mention that in other countries like the Philippines, Japan, Thailand, as far even as some of the western countries, when a new industry is being promoted or encouraged by the Government, they give 100 per cent protection, even to the extent of banning import of commodities produced.

Sir, from the outset, it may look as if you are giving a monopoly

to certain companies—for example Dunlops, Rothmans or whichever company that has been given pioneer status. Sir, from the view of the general public and consumers, the granting of one, two or three pioneer status to some industries is tantamount to a monopoly, but I would like to say that it is not true, because as I have said earlier we should not kill an industry before it has been developed. I therefore take great exception to the plea of my Honourable colleague that we should issue any amount of pioneer certificates to industries. I think by so doing it will kill our main objective of industrial development and at the same time also to create a very poor impression to other countries which have since the war achieved tremendous success through industrialisation. Thank you.

Enche' Mohamed Khir Johari: I am afraid, Sir, I cannot finish my reply within the time available for today.

Mr. Speaker: You can go on up to half-past six and then continue tomorrow.

Enche Mohamed Khir Johari: Mr. Speaker, Sir, I don't think I have time to reply in full to my Honourable friend, the Member for Dato' Kramat, who unfortunately is not here just now.

Sir, when a synthetic socialist confines himself to sociology, politics or even anthropology, he is still bearable, but when he assumes the role of synthetic economist, the act becomes a comic opera. Such a scene was staged this morning when the Honourable Member for Dato' Kramat raised the question of the threat facing the natural rubber industry posed by the development of synthetic rubber in the various countries in the world. The Honourable Member spoke as if the existence of the threat of synthetic rubber was something new and peculiar only in 1962. Little does the Honourable Member know that the threat of synthetic rubber has been with us for the last few decades.

I would like to inform the Honourable Member—and I hope his

colleagues who are present here will pass on this message to him—that the Government has always been keenly aware of the continued expansion of the synthetic rubber industry and particularly of the development of the newest stereo-regular synthetic rubbers. The Government is also aware that rubber will continue to remain the mainstay of the Federation's economy, and it has been, and is being, the Government's policy to pursue vigorously a programme to strengthen the competitive position of the natural rubber industry through a three-pronged attack, namely, replanting, research and the creation of a stable rubber market.

Let me first explain that as early as the turn of the last decade, both the industry and the Government had realised that for natural rubber to compete successfully with synthetic, it must replant. The fact that since the end of the Second World War up to the end of last year, a total of 1½ million acres of high-yielding rubber have been planted, goes to prove that as a result of this policy we are today one of the most efficient rubber producers in the world. (*Applause*). Now, replanting will continue to be pursued vigorously and everything possible is being and will be done to accelerate the pace of replanting on both estates and smallholdings. Consideration has actively been given to the question of extending the Government replanting scheme for estates when the present system ends in 1962. Further incentives by way of increasing the replanting grants and allowing a further replanting eligibility in excess of the present one-third entitlement are being considered to encourage particularly the smallholders to replant.

Hand in hand with replanting, research to improve the quality of our product is being pursued with even greater vigour than in the past. What is equally important also is to build up sufficient international confidence in the stability of the Malayan rubber market and, to this end, the new

Federation of Malaya Rubber Exchange which will come into existence in the course of the next few months will provide the necessary framework for the orderly and free marketing of rubber. The Honourable Member must be aware that the Government has spared no efforts, both in the domestic and in the international field to do everything possible to create the necessary stability and confidence in the rubber market. I am, therefore, surprised to hear that the Honourable Member is belittling the efforts which have been made by the Federation Government to secure the agreements of the U.K. and the U.S. Governments to dispose of their surplus natural rubber from their strategic stockpiles

in accordance with certain criteria which has as their aim the maintenance of stability and confidence in the international rubber market.

Mr. Speaker: Time is up.

House resumes.

Mr. Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply, which has been considering the Supply (1962) Bill, has progressed up to Head 12 of the Schedule of that Bill.

The House will now stand adjourned to 10.00 a.m. tomorrow.

Adjourned at 6.30 p.m.